



کلتن چقنا کلوارگ Kelantan *Cakna Keluarga*

Menjana Keluarga Mawaddah



کلتن سجهترا اوننوق اسلام

"Kelantan Sejahtera Untuk Islam"



كلتن چقنا كلوارگ Kelantan *Cakna Keluarga*

Menjana Keluarga Mawaddah



كلتن سجھتہرا اونٹوق اسلام "Kelantan Sahajihra Untuk Islam"

KELANTAN CAKNA KELUARGA
MENJANA KELUARGA MAWADDAH
Cetakan Pertama 2017
ISBN: **978-983-2306-23-8**

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Panel Penasihat Projek :

YB Hajah Mumtaz Md Naw
YB Hajah Wan Ubaidah Omar
Hajah Zainiah Halim

Koordinator Projek Penulisan dan Penulis :

Siti Nurhajatun Akmal Mohammad
Nur Syazwani Abdullah
Susilawati Hasan
Ahmad Mustapha Ab Azais
Nur Hafizah Mat Husain
Wan Norahlami Wan Madarazaman

Penyunting :

Dr Nurhafilah Musa
Ustazah Asmak Husin

Penyelaras Penerbitan :

Tuan Azura Raja Ismail
Nabihah Basri

Konsep Reka Bentuk Kulit :

Farah Farhana Ab Malek

Diterbitkan oleh:

Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
PT 109, Wisma Dr. Alias, Jalan Telipot
15150 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-747 6568/ 09-74706569; Faks: 09-7476510

KANDUNGAN

PERUTUSAN KHAS

YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR KELANTAN	v
--	---

KATA ALU-ALUAN

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Kebaikan Kerajaan Negeri Kelantan	viii
---	------

SENARAI SINGKATAN	xi
-------------------	----

Pengenalan	xiii
------------	------

BAB 1 : DASAR KELUARGA MAWADDAH KELANTAN

1.1 : Pendahuluan	1
1.2 : Proses Penggubalan Dasar	1
1.3 : Kesimpulan	6

BAB 2 : PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

2.1 : Pendahuluan	9
2.2 : Pembentukan Unit Pembangunan Keluarga	9
2.3 : Peranan Unit Pembangunan Keluarga	10
2.4 : Kesimpulan	11

BAB 3 : PELAKSANAAN DASAR KELUARGA MAWADDAH

3.1 : Pendahuluan	15
3.2 : Buku Panduan Keluarga Mawaddah	16
3.3 : Penggubalan Dasar Kanak-Kanak	17
3.4 : Penyediaan Buku Modul Keluarga Mawaddah	20

3.5 : Dasar Penempatan Mesra Keluarga	22
3.6 : Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan 2002	24
3.7 : Persekitaran Kerja Mesra Keluarga	27
3.8 : Kesimpulan	28

BAB 4 : PROGRAM KEROHANIAN DAN JATI DIRI

4.1 : Pendahuluan	31
4.2 : Seminar Keluarga Mawaddah	31
4.3 : Kursus Kecemerlangan Kerjaya dan Keluarga	35
4.4 : Forum Keluarga Rasulullah	38
4.5 : Kem Management Qalbu	40
4.6 : Kursus Halimatul Saadiah	43
4.7 : Bengkel Asas Kaunseling	45
4.8 : Seminar Rumahtangga Berkat	48
4.9 : Kembara Anak Muda	51
4.10 : Forum Keluarga Bahagia	54
4.11 : Kesimpulan	54

BAB 5 : SAMBUTAN DAN PENGIKTIRAFAN

5.1 : Pendahuluan	57
5.2 : Kahwin Perdana	57
5.3 : Sambutan Hari Suami Isteri	61
5.4 : Anugerah Keluarga Mawaddah	64
5.5 : Sambutan Hari Ibu Bapa	69
5.6 : Bengkel Ibu Bapa Muda	70
5.7 : Pengisytiharan Hari Keluarga Mawaddah	73
5.8 : Sambutan Hari Kanak-Kanak Negeri Kelantan	75
5.9 : Anugerah Tokoh Ibu	77

5.10 : Malam Penghargaan Ibu Mithali Kelantan	79
5.11 : Jejak Kasih Kahwin Perdana	81
5.12 : Program Cakna Keluarga	83
5.13 : Program Cakno Aulad	84
5.14 : Kesimpulan	86
 BAB 6 : INFRASTRUKTUR	
6.1 : Pendahuluan	89
6.2 : Rumah Perlindungan Wanita (Darul Auni)	89
6.3 : Taska Keluarga Mawaddah	92
6.4 : Kesimpulan	98
 BAB 7 : KERJASAMA PINTAR BERSAMA JABATAN YANG BERKAITAN	
7.1 : Pendahuluan	101
7.2 : Kerjasama Pintar dengan Pejabat Tanah dan Jajahan	101
7.3 : Kerjasama Pintar dengan MPKB-BRI	102
7.4 : Kerjasama Pintar dengan Yayasan Islam Kelantan (YIK)	102
7.5 : Kesimpulan	103
 PENUTUP	105
 GALERI FOTO	107
 PAUTAN BERKAITAN	112
 LAMPIRAN	113

PERUTUSAN KHAS
YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN
MENTERI BESAR KELANTAN



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَمِنْ ءَايَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا
إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ
يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.” (Al-Ruum : 21)

Segala puji-pujian bagi Allah SWT, tuhan yang mencipta, memiliki, dan mentadbir seluruh alam ini. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, suri tauladan sepanjang zaman, seterusnya ke atas keluarga, para sahabat baginda

seluruh pejuang agama dan mereka yang mencontohi baginda hingga ke akhir zaman.

Tanggungjawab memakmurkan bumi ini bukan hanya terletak kepada pemimpin masyarakat, tetapi haruslah dimulai dengan pemimpin institusi kecil yang penting, iaitu ketua keluarga. Kasihnya Allah kepada manusia, diturunkan Al-Quran dan diutuskan Rasul untuk memimpin manusia ke jalan yang diredhai. Kerajaan Negeri Kelantan memandang berat terhadap usaha melahirkan *Jiilul Islam* (generasi islam) dengan menggubal Dasar Keluarga Mawaddah khususnya untuk pembangunan keluarga institusi keluarga

Tahniah diucapkan di atas penerbitan buku “Kelantan Cakna Keluarga” yang disusun khas sebagai rujukan tentang inisiatif-inisiatif kearah pembangunan institusi kekeluargaan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sebagai usaha bagi memudahkan pengaplikasian penerapan Islam dalam keluarga. Sesungguhnya, perancangan yang teliti akan membuahkan hasil yang baik.

Semoga visi dan misi mewujudkan Keluarga Mawaddah bagi seluruh rakyat Kelantan akan tercapai dan objektif penghasilan buku ini akan berjaya. Mudah-mudahan segala usaha murni ini diterima Allah SWT sebagai amal soleh dan menjadi saham di akhirat kelak.

Sekian, wassalam.

“ISLAM DIJULANG, RAJA DIJUNJUNG, RAKYAT DISANJUNG”

“MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN”

“KEBERKATAN – KEMAKMURAN – KEBAJIKAN”

Dengan hormatnya,

A handwritten signature in black ink, featuring a stylized 'H' and 'A' followed by a dot, written over a horizontal line.

USTAZ DATO' BENTARA KANAN DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB

S.J.M.K., D.J.M.K., (KELANTAN)

Menteri Besar Negeri Kelantan

KATA ALU-ALUAN
YB PENERUS JAWATANKUASA PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN KEBAJIKAN KERAJAAN
NEGERI KELANTAN



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ
وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا
أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

“Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu, penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, yang keras, yang tidak mendurhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.” (Surah Tahrir : 6)

Segala puji bagi Allah SWT merupakan Pentadbir bagi seluruh kerajaan di langit dan bumi, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para

sahabat baginda serta seluruh penyambung risalah yang suci ini. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t dengan taufik dan izinNya, Buku Kelantan Cakna Keluarga Kerajaan Negeri Kelantan telah berjaya diterbitkan.

Kecaknaan Kerajaan Negeri Kelantan terhadap institusi kekeluargaan dapat dilihat daripada penggubalan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan (DKMK) iaitu pada tahun 2009. Dasar ini memberi tumpuan khusus kepada pembangunan keluarga sebagai salah satu unit asas dan kritikal dalam pembangunan negeri dan negara serta ummah. Ia juga bertindak sebagai hala tuju kepada pihak kerajaan dan bukan kerajaan yang bertanggungjawab serta pihak yang berkepentingan untuk mengutamakan kesejahteraan keluarga dalam rangka membina negara dan peradaban yang diredhai oleh Allah swt.

Rentetan daripada itu, Buku Panduan Keluarga Mawaddah juga telah digubal pada tahun 2011 dan dijadikan sebagai satu panduan dan penilaian terhadap institusi kekeluargaan di Negeri Kelantan. Sebaran dan penerangan berkaitan buku ini juga telah dibuat bermula dari penerbitannya. Namun kesedaran dan ilmu pengetahuan kepada masyarakat perlu sentiasa ditekankan dan diingatkan dari masa ke semasa. Dalam merealisasikan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan dan Buku Panduan Keluarga Mawaddah, maka terhasillah pelbagai inisiatif pembangunan keluarga mawaddah yang telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan

oleh Kerajaan Negeri. Inisiatif-inisiatif ini telah diperincikan di dalam Buku Kelantan Cakna Keluarga ini bagi memberi pendedahan kepada masyarakat bahawa institusi kekeluargaan tidak dipandang remeh oleh Kerajaan Negeri.


Semoga tujuan dan hasrat mulia Buku Kelantan Cakna Keluarga ini akan tercapai dengan sepenuhnya ke arah mewujudkan Keluarga Mawaddah, masyarakat sakinah dan seterusnya mewujudkan "*Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur*". Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat atas usaha gigih dalam menghasilkan kitab kecil ini. Hanya Allah swt yang dapat membalasnya. Sekian, Siiru ala barakatillah.

"ISLAM DIJULANG, RAJA DIJUNJUNG, RAKYAT DISANJUNG"

"MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN"

"KEBERKATAN – KEMAKMURAN – KEBAJIKAN"

Dengan hormatnya,



HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI

Pengerusi,

Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga

dan Kebajikan,

Kerajaan Negeri Kelantan.

SENARAI SINGKATAN

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
AJK	Ahli Jawatankuasa
DKMK	Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan
DUN	Dewan Undangan Negeri
HSK	Hari Sayyidatina Khadijah
IPTA/ S	Institusi Pengajian Tinggi Awam/ Swasta
JAHEAIK	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan
MAIK	Majlis Agama Islam Kelantan
MBI	Membangun Bersama Islam
MESRA	Pertubuhan Sukarelawan Rakyat Kelantan
MPKB-BRI	Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandar Raya Islam
MTD	Majlis Tindakan DUN
NGO	Badan Bukan Kerajaan
OKU	Orang Kurang Upaya
PAUD	Pendidikan Anak Usia Dini
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PCB	Pantai Cahaya Bulan
PKWK	Pusat Kemahiran Wanita Kelantan
PUTIK	Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan
RTV	Siaran Radio TV Kelantan
SUK	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

UMI	<i>Ubudiyyah, Mas'uliyyah, Itqan</i>
UPKN	Urus Setia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan
UPWK	Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan
YIK	Yayasan Islam Kelantan

PENGENALAN

Buku ini menjelaskan tentang program Cakna Keluarga yang dilaksanakan oleh Unit Keluarga Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan (UPWK) Negeri Kelantan. Pelbagai program telah dilaksanakan di bawah dasar Membangun Bersama Islam yang telah dilaksanakan di negeri Kelantan sejak tahun 1990


Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan menjadi tunjang kepada kesemua program yang dilaksanakan di bawah Unit Keluarga. Dasar ini menjadi panduan utama untuk merealisasikan pembentukan keluarga mawaddah di Kelantan.

Buku ini mengandungi 7 bab yang menjelaskan Dasar Keluarga Mawaddah dan program-program yang dilaksanakan di bawah dasar tersebut. Buku ini turut memaparkan infrastruktur yang disediakan bagi menyokong pelaksanaan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan serta kerjasama pintar antara UPWK dengan jabatan-jabatan kerajaan berkaitan untuk mendapatkan impak semaksima mungkin kepada keluarga di negeri Kelantan.

UPWK sangat komited untuk memastikan Dasar Membangun Bersama Islam diterjemahkan melalui konsep keluarga yang dituntut oleh Al-Quran dan Sunnah.

BAB I

DASAR KELUARGA MAWADDAH



BAB 1

DASAR KELUARGA MAWADDAH KELANTAN

1.1 PENDAHULUAN

Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) merupakan teras kepada semua perancangan yang dirangka oleh semua exco kerajaan negeri Kelantan. Daripada dasar MBI, lahirlah Dasar Wanita Kelantan. Lanjutan daripada Dasar Wanita Kelantan ini, maka lahirlah Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan sebagai penyokong kepada peranan wanita sebagai pengukuh kesejahteraan keluarga.

Walaupun Malaysia mempunyai Dasar Keluarga Negara, Kelantan merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai dasar khusus berkaitan pembangunan keluarga yang berteraskan Al-Quran dan sunnah.

1.2 PROSES PENGUBALAN DASAR

Idea pembentukan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan terhasil apabila kerajaan negeri Kelantan menyedari bahawa pembangunan dan kemajuan negara telah memberi pelbagai impak ke atas institusi keluarga yang mana sebahagian daripada impak tersebut memberi kesan negatif yang membimbangkan dan perlu ditanganu secara berkesan. Antara cabaran institusi kekeluargaan yang perlu ditangani ialah perubahan struktur

keluarga dan fungsi ahlinya, ketidakseimbangan antara tanggungjawab ahli keluarga dan realiti kehidupan, gelombang globalisasi, aliran pemikiran sekular, persekitaran dan materialistik dan individualistik serta peningkatan gejala sosial, pengabaian dan penderaan ahli keluarga.

Tarikh-tarikh penting dalam pembentukan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan boleh dilihat dalam Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1 - Sejarah Pembentukan Dasar Keluarga
Mawaddah Kelantan**

Bil	Tarikh	Perkara
1	28 September 2008	Mesyuarat Unit Pembangunan Wanita, Belia & Sukan
2	6 November 2008	Mesyuarat Unit Pembangunan Wanita, Belia & Sukan
3	22 Disember 2008	Sidang Pakar
4	3 Mac 2009	Sidang Pakar
5	15 September 2009	Mesyuarat Teknikal Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan
6	8 November 2009	Mesyuarat Teknikal Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan
7	16 November 2009	Seminar Penggubalan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan
8	24 November 2009	Mesyuarat Teknikal Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan
9	16 Disember 2009	Mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri Kelantan meluluskan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan

Falsafah DKMK bersandarkan kepada kepercayaan bahawa institusi keluarga sebagai satu unit yang sangat *fundamental* dalam pembinaan masyarakat, negeri dan negara dengan

mengutamakan kesejahteraan keluarga berlandaskan ajaran Islam atau sistem kepercayaan hidup bertuhan untuk melahirkan insan soleh dan bermanfaat ke arah membina negara dan ummah yang terbaik.

Visi DKMK ialah Kelantan sebagai peneraju pembangunan keluarga cemerlang manakala misi DKMK ialah membina keluarga bahagia berteraskan prinsip *Ubudiyyah*, *Mas'uliyah* dan *Itqan* (UMI) untuk melahirkan masyarakat sejahtera dan negeri yang diberkati Allah. Tema DKMK ialah “Keluarga Mawaddah, Masyarakat Sejahtera”.

Matlamat DKMK ialah untuk memperkasa institusi keluarga melalui penggembelengan sokongan dan dokongan semua pihak agar mengutamakan kesejahteraan keluarga dengan meningkatkan potensi setiap ahlinya dan berupaya menjalankan peranan masing-masing secara berkesan dan seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan kemakmuran negeri dan negara.

Pendekatan untuk mencapai matlamat DKMK meliputi,

- i. Menetapkan satu dasar jangka panjang pendidikan dan pemerkasaan keluarga berdasarkan prinsip-prinsip Islam bertepatan dengan dasar Membangun Bersama Islam yang seiring dengan nilai-nilai kemanusiaan sejagat

- ii. Membentuk kerukunan sosial masyarakat di negeri Kelantan yang ditunjangi oleh keluarga berfungsi dan berkesan
- iii. Meraikan identiti, peranan dan kepercayaan pelbagai kelompok etnik dan agama dalam membangunkan institusi keluarga
- iv. Menyelaraskan semua polisi pentadbiran dan program kerajaan dan swasta selaras dengan dasar ini agar setiap individu menjadi aset negeri yang seimbang
- v. Menyedia dan menambah baik khidmat sokongan yang sistematik bagi keluarga yang tercabar termasuk ibu tunggal, anak yatim dan lain-lain
- vi. Merealisasikan konsep Keluarga Mawaddah dan ibu bapa yang berperanan sebagai pengurus dan pentadbir rumah tangga cemerlang ke arah membentuk keluarga bahagia dan sejahtera
- vii. Menggalak dan membuka peluang kepada setiap individu untuk merasai ketenangan dan kebahagiaan melalui institusi keluarga yang diberkati Allah
- viii. Menjadi asas kepada dasar lanjutan lain yang berkaitan seperti Dasar Kanak-kanak dan Dasar Warga Emas

Prinsip dan Garis Panduan Utama DKMK ialah,

- i. DKMK selaras dengan Dasar Membangun Bersama Islam yang menjadi paksi segala gerak kerja kerajaan negeri Kelantan iaitu *Ubudiyyah, Mas'uliyah* dan *Itqan*.
- ii. DKMK menghormati sistem nilai dan kepelbagaian cara hidup dengan memberikan ruang untuk membina keluarga menurut asa kepercayaan agama masing-masing.
- iii. Keluarga adalah institusi asas fitrah dalam kehidupan manusia. Membina keluarga bermakna membina kehidupan dan membangunkan negara.
- iv. Keluarga Mawaddah merangkum tiga ciri berikut, iaitu ketenangan (*sakinah*), kasih sayang (*mawaddah*) dan kasihan belas (*rahmah*)
- v. Natijah akhir pembangunan keluarga adalah untuk mencapai kesejahteraan di nuai dan di akhirat
- vi. Institusi keluarga merupakan institusi pendidikan pertama dalam kehidupan seorang insan. Ibu bapa bertanggungjawab memberikan pendidikan asas Islam berdasarkan perkembangan umur dan kebolehan kanak-kanak.
- vii. Setiap ahli keluarga perlu kembali semula kepada peranan dan fungsinya yang asal iaitu suami bertindak sebagai pemimpin keluarga dan pencari nafkah

utama, isteri sebagai pengurus rumah tangga dan turut bertanggungjawab bersama suami dalam urusan rumahtangga serta anak-anak sebagai pelengkap yang melaksanakan konsep ihsan terhadap ibu bapa.

- viii. Konsep kepimpinan keluarga adalah tanggungjawab asasi pihak suami. Suami dengan kerjasama isteri perlu bertindak sebagai ketua yang memimpin, melindungi serta mengendalikan pembentukan misi dan visi keluarga.
- ix. Pendidikan kekeluargaan yang sistematik dan berterusan diperlukan untuk para suami dan isteri.

Dasar ini hendaklah dibaca bersama dasar-dasar lain Kerajaan Negeri Kelantan iaitu Dasar Membangun Bersama Islam, Dasar Wanita Kelantan, Dasar Belia Kelantan dan Dasar Pencegahan Gejala Sosial.

Teks Dasar Keluarga Mawaddah dilampirkan di bahagian akhir buku ini.

1.3 KESIMPULAN

Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan menjadi teras kepada semua program yang dilaksanakan di bawah Unit Keluarga UPWK. Program-program yang dirancang meliputi pelbagai aspek kekeluargaan dan dilaksanakan di semua jajahan di negeri Kelantan.

BAB 2

PENGURUSAN & PENTADBIRAN



BAB 2

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

2.1 PENDAHULUAN

Bagi melaksanakan Dasar Keluarga Mawaddah, Unit Pembangunan Keluarga ditubuhkan untuk merancang, mengurus dan melaksanakan perkara tersebut. Terdapat enam orang staf yang ditugaskan di Unit Pembangunan Keluarga dan mempunyai bidang tugas yang berbeza mengikut posisi masing-masing.

2.2 PEMBENTUKAN UNIT PEMBANGUNAN KELUARGA

DALIL DAN SLOGAN

ذَٰلِكَ الَّذِي يُبَشِّرُ اللَّهَ عِبَادَهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
قُلْ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِلَّا الْمَوَدَّةَ فِي الْقُرْبَىٰ وَمَن يَقْتَرِفْ
حَسَنَةً نَّزِدْ لَهُ فِيهَا حُسْنًا إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٢٣﴾

(Limpah kurnia yang besar) itulah yang Allah gembirakan (dengannya): hamba-hambanya yang beriman dan beramal salih. Katakanlah (wahai Muhammad): “Aku tidak meminta kepada kamu sebarang upah tentang ajaran Islam yang aku

sampaikan itu (yang aku minta) hanyalah kasih mesra (kamu terhadapku) disebabkan pertalian kerabat (yang menghubungkan daku dengan kamu supaya aku tidak disakiti)". Dan sesiapa yang mengerjakan sesuatu perkara yang baik, Kami tambahi kebaikan baginya (dengan menggandakan pahala) kebbaikannya itu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang yang bersyukur kepadaNya). (Surah As-Syura : 23)

SLOGAN UNIT : "MENJANA KELUARGA MAWADDAH"

2.3 PERANAN UNIT PEMBANGUNAN KELUARGA

Berikut adalah 5 Peranan Unit Pembangunan Keluarga (UPK):

1. Merangka Pelan Bertindak Dasar Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan.
2. Menyusun dan melaksanakan program dan aktiviti pembangunan keluarga meliputi semua sektor, ahli dan jenis keluarga bagi memperkukuhkan institusi keluarga.
3. Merancang dan melaksanakan pendidikan rumah tangga dan kekeluargaan termasuklah pendidikan anak-anak, kesihatan dan ekonomi keluarga.
4. Memberi pengiktirafan kepada ahli keluarga dan kanak-kanak cemerlang di peringkat DUN dan Negeri.

5. Menggalak dan mempromosikan kempen pembudayaan keluarga sejahtera yang berkaitan dengan keluarga dan kanak-kanak.

2.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya organisasi yang tersusun membantu untuk melaksanakan segala program, dasar dan menguruskan infrastruktur yang ditubuhkan.

BAB 3

PELAKSANAAN DASAR KELUARGA MAWADDAH



BAB 3

PELAKSANAAN DASAR KELUARGA MAWADDAH

3.1 PENDAHULUAN

Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan (DKMK)¹ telah digubal pada 16 Disember 2009 sebagai panduan utama untuk merealisasikan pembentukan keluarga mawaddah di Kelantan. Melalui dasar inilah lahirnya Buku Panduan Keluarga Mawaddah yang diedarkan untuk panduan dan rujukan kepada seluruh keluarga di negeri Kelantan di samping dengan penggubalan Dasar Kanak-kanak, Dasar Penempatan Mesra Keluarga dan Pindaan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan 2002. Justeru, dasar ini merupakan satu usaha yang serius untuk membangun dan memperkasakan keluarga di negeri Kelantan



Buku Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan yang
diedarkan keseluruh Negeri Kelantan

¹ **Buku Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan** boleh dimuat turun menerusi pautan berikut <http://www.kelantan.gov.my/index.php/ms/polisi-kerajaan>

3.2 BUKU PANDUAN KELUARGA MAWADDAH

Buku Panduan Keluarga Mawaddah² telah digubal pada tahun 2011 dan dijadikan sebagai satu panduan dan penilaian yang berterusan terhadap institusi kekeluargaan di negeri Kelantan. Penggunaan Buku Panduan Keluarga Mawaddah telah ditaklimatkan kepada rakyat Negeri Kelantan di peringkat negeri, parlimen, jajahan dan DUN. Buku Panduan Keluarga Mawaddah telah diperkenalkan kepada seluruh rakyat Kelantan melalui Program Seminar Keluarga Mawaddah peringkat negeri, jajahan, parlimen dan DUN. Sebanyak 70,000 buah buku telah diagihkan keseluruh Negeri Kelantan melalui program-program yang diadakan oleh pihak Kerajaan Negeri Kelantan. Buku ini juga diterjemahkan dalam bahasa arab dan bahasa inggeris untuk diedarkan kepada peserta *Muslimah International Summit Kelantan 2016* sempena Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2016.



Buku Panduan Keluarga Mawaddah yang ditaklimatkan di peringkat negeri, parlimen, jajahan dan DUN

² **Buku Panduan Keluarga Mawaddah** Negeri Kelantan boleh dimuat turun menerusi pautan berikut <http://wanitakelantan.com/muat-turun/>

3.3 PENGGUBALAN DASAR KANAK-KANAK

Urus Setia Pembangunan Wanita telah melantik kumpulan penyelidik untuk mendraf Dasar Kanak-kanak yang mengambil kira Konvensyen Hak Kanak-kanak di peringkat antarabangsa dan Akta Kanak-kanak 2016 di peringkat kebangsaan. Dasar tersebut digubal mengikut acuan Islam dan tempatan.

Antara persediaan yang dibuat sebelum merangka penggubalan dasar ini adalah dengan mengadakan lawatan kerja ke taman asuhan kanak-kanak di dalam dan luar negara. Lawatan kerja ke taska berdaftar terpilih di dalam negeri adalah untuk melihat kemudahan, modul pembelajaran, dan fasiliti yang sepatutnya ada di taska. Manakala lawatan kerja ke luar negara adalah untuk mengkaji dan mengambil pendedahan tentang pendidikan kanak-kanak di luar negara di samping mengadakan perjumpaan bersama Pengkaji Pembangunan Kanak-kanak Jakarta.



Mesyuarat Penggubalan Dasar Kanak-Kanak Negeri
Kelantan bertempat di Bilik Mesyuarat,JKR 10



Antara Ahli Jawatankuasa teknikal dalaman mesyuarat penggubalan Dasar Kanak-kanak Kelantan



Pelajar-pelajar dan Guru Pendidikan Anak Usia Dini (PAUD)



Majlis Makan Malam bersama para Pengkaji
Pembangunan Kanak-kanak di Jakarta



Lawatan kerja ke Taska Penyayang, Kota Bharu



Lawatan kerja ke Taska Abrar, Kota Bharu

3.4 PENYEDIAAN BUKU MODUL KELUARGA MAWADDAH

Idea penyediaan Buku Modul Keluarga Mawaddah adalah kesinambungan daripada Buku Panduan Keluarga Mawaddah yang diterbitkan oleh Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan. Wujudnya buku ini adalah rentetan daripada Pembentukan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan yang digubal pada 16 November 2009.

Modul ini dirangka bertujuan untuk menjadi panduan kursus induksi kepada para ibu bapa. Penggubalan Modul Keluarga Mawaddah masih lagi di peringkat semakan modul. Modul Mawaddah terdiri daripada pengurusan sendiri,

pengurusan keluarga dan pengurusan kerabat, jiran dan komuniti.



Mesyuarat Semakan Modul Keluarga Mawaddah



Ahli Jawatankuasa yang hadir ke Mesyuarat
Semakan Modul Keluarga Mawaddah



Antara Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Semakan
Modul Keluarga Mawaddah

3.5 DASAR PENEMPATAN MESRA KELUARGA

Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Kelantan yang berlangsung pada 22 Ramadan 1434H bersamaan 31 Julai 2013 telah membuat keputusan untuk melaksanakan Dasar Mesra Keluarga di dalam menempatkan kakitangan dan pegawai yang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Kelantan. Dasar ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada kakitangan berkhidmat di lokasi yang berhampiran dengan pasangan mahupun tempat tinggal keluarga masing-masing. Ia bagi memberikan kemudahan untuk kakitangan berinteraksi dan berurusan dengan keluarga masing-masing dengan ruang yang selesa tanpa gangguan oleh hambatan tugas di lokasi yang berjauhan.

Hal ini kerana Kerajaan Kelantan percaya bahawa perjalanan urusan keluarga yang seimbang dan selesa akan memberikan motivasi kepada kakitangan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan masing-masing dan memberikan ketenangan kepada mereka. Selain itu ianya mampu mengurangkan kadar perceraian di negeri Kelantan dan membantu mengurangkan kadar risiko kemalangan jalanraya.



Sidang Media Dasar Penempatan Mesra Keluarga

3.6 ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI KELANTAN 2002

Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan telah menganjurkan persidangan meja bulat bagi membuat semakan dan mengemukakan cadangan untuk memasukkan seksyen baru yang relevan di dalam ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI KELANTAN 2002 agar ianya lebih terkini dan mesra wanita selari dengan Dasar Wanita Kelantan dan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan.

Objektif semakan ini adalah untuk mengkaji kelemahan dan kelompangan di dalam sistem dan prosedur. ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI KELANTAN 2002 dan enakmen lain yang berkaitan yang sedang digunapakai di Mahkamah Syariah bagi memastikan perlaksanaanya secara berkesan. Selain itu, ianya bertujuan untuk mencadangkan pindaan yang memenuhi keperluan yang terkandung dalam Dasar Wanita Kelantan dan Dasar Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan.

Hal ini demi memastikan golongan wanita dan kanak-kanak terbela dengan lebih sempurna terutamanya di dalam kes-kes kekeluargaan dan jenayah syariah di samping memastikan sistem pelaksanaan undang-undang syariah dan Mahkamah Syariah lebih mesra wanita.

Perbincangan ini telah diadakan di Dewan Selayang, Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan bertarikh 19-21 Rabiulakhir 1432H / 24-26 Mac 2011 (Khamis-Sabtu). Antara ahli jawatankuasa adalah Ketua Penolong Pengarah Pembangunan Undang-undang Keluarga, Jabatan Agama Hal Ehwal Islam Kelantan (JAHEAIK), Pegawai Undang-undang Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam, Pegawai Penyelidik Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan, Pegawai Sulh Jabatan Kehakiman Syariah dan Presiden Persatuan Pegawai Syariah.

Antara resolusi yang dicadangkan adalah pindaan Enakmen Pentadbiran Syariah perlu kepada pindaan menyeluruh supaya ianya lebih relevan dengan keperluan semasa, mewujudkan sistem e-mukim untuk kenal pasti anak mukim yang berdaftar, pemakluman kepada Setiausaha Dewan Negeri supaya undang-undang yang baru / pindaan semasa perlulah dipastikan diturunkan enakmen yang berkaitan juga dipinda oleh agensi-agensi pelaksana yang berkaitan supaya dapat dipakai dengan kadar segera, wujudkan undang-undang pentadbiran harta islam dan tambahkan bilangan penguatkuasa agama di setiap jajahan bagi menangani kes-kes berkaitan.



Persidangan Semakan Enakmen Undang-undang
Keluarga Islam 2012



Antara ahli jawatankuasa Persidangan Semakan Enakmen
Undang-undang Keluarga Islam 2012

3.7 PERSEKITARAN KERJA MESRA KELUARGA

Kerajaan Negeri Kelantan telah berusaha untuk mewujudkan persekitaran mesra keluarga di premis pekerjaan, taman perumahan dan tempat program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan negeri. Hal ini dibuktikan dengan kewujudan Taska Keluarga Mawaddah yang dibangunkan berdekatan dengan pejabat Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan. Kewujudan infrastruktur ini memberi kemudahan kepada staf wanita yang bekerja di pejabat ini untuk meninggalkan anak mereka dan lebih bermotivasi untuk bekerja. Selain itu, bagi program yang dianjurkan oleh kerajaan negeri, perkhidmatan nurseri diadakan untuk memberi kemudahan kepada golongan wanita meninggalkan anak mereka ketika program sedang berlangsung. Suasana kerja yang mesra keluarga telah ditunjukkan oleh UPWK dalam penganjuran Hari Saiyyidatina Khadijah pada tahun 2016



Suasana bilik nurseri di program Sambutan Hari Keluarga
Mawaddah Peringkat Negeri Kelantan



Suasana bilik nurseri di program Sambutan
Hari Sayyidatina Khadijah 2017

3.8 KESIMPULAN

Kewujudan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan telah mewujudkan beberapa inisiatif bagi melahirkan keluarga yang sejahtera di negeri Kelantan seterusnya memperbaiki institusi keluarga di Kelantan untuk menjadi lebih baik.

BAB 4

KEROHANIAN & JATI DIRI



BAB 4

PROGRAM KEROHANIAN DAN JATI DIRI

4.1 PENDAHULUAN

Program-program kekeluargaan berbentuk kerohanian dan jati diri telah dilaksanakan di peringkat negeri, parlimen, jajahan dan DUN bagi memberi kesedaran kepada ibu bapa berkenaan tanggungjawab mereka dalam membentuk masyarakat bertakwa.

Terdapat sembilan jenis program yang telah dianjurkan oleh Unit Keluarga UPWK yang merangkumi pelbagai aspek kekeluargaan yang khusus menyentuh aspek kerohanian dan jati diri

4.2 SEMINAR KELUARGA MAWADDAH

Bermula pada tahun 2013, Seminar Keluarga Mawaddah telah diadakan di peringkat negeri Kelantan untuk memberi penerangan berkenaan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan (DKMK) dan taklimat penggunaan Buku Panduan Keluarga Mawaddah.

Seminar ini juga telah dikembangkan ke peringkat jajahan dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Jajahan masing-masing serta di peringkat parlimen dengan kerjasama

masjid parlimen/ daerah masing-masing. Sasaran peserta adalah kepada kakitangan awam, swasta dan pimpinan masyarakat di setiap jajahan dan parlimen. Antara pengisian program ialah ceramah motivasi keibubapaan oleh penceramah jemputan dan pembentangan penggunaan buku Panduan Keluarga Mawaddah Kelantan.



Antara VVIP yang hadir di Sambutan Hari Keluarga
Mawaddah peringkat Negeri Kelantan



Antara peserta jemputan yang hadir di Seminar
Keluarga Mawaddah Jeli



Antara peserta yang hadir Seminar Keluarga Mawaddah
Peringkat Negeri Kelantan di Dewan Balai Islam, Lundang



Penyampaian saguhati kepada peserta pertandingan ucapan terbaik sempena Seminar Keluarga Mawaddah Ketereh



Antara peserta yang hadir Seminar Keluarga Mawaddah Kota Bharu di Masjid Muhammadi Kota Bharu

4.3 KURSUS KECEMERLANGAN KERJAYA & KELUARGA

Kerajaan negeri juga telah menganjurkan Kursus Kecemerlangan Kerjaya dan Keluarga yang disasarkan kepada para suami dan bapa. Program ini telah bermula sejak tahun 2014 dan dilaksanakan 2 kali setahun di peringkat negeri. Ianya telah diperluaskan dari peringkat negeri Kelantan ke peringkat zon dengan harapan untuk melahirkan jiwa professional dalam kerjaya dan mampu membina keluarga mawaddah.

Matlamat utama program adalah untuk memberi kesedaran dan ilmu pengetahuan kepada kaum lelaki sebagai ketua keluarga mengenai tanggungjawab dalam membina keluarga mawaddah di samping kerjaya yang stabil. Hal ini penting untuk melahirkan golongan lelaki yang professional dan seimbang dari segi urusan rumah tangga dan kerjaya. Antara pengisian program adalah berkenaan pekerjaan sebagai ibadah dan peranan bapa sebagai ketua keluarga serta wali. Sasaran utama program adalah kepada penjawat awam, swasta, NGO, orang awam dan pimpinan kerajaan.



Antara penerima hadiah pertandingan ucapan azam terbaik program
Kursus Kecemerlangan Kerjaya dan Keluarga



Peserta bertanya soalan kepada penceramah program Kursus
Kecemerlangan Kerjaya dan Keluarga



Antara peserta yang hadir Kursus Kecemerlangan Kerjaya dan Keluarga yang bertempat di Dewan Jamuan Utama, Kompleks Darul Naim



Antara aktiviti yang dilaksanakan oleh penceramah bersama peserta kursus

4.4 FORUM KELUARGA RASULULLAH

Program Forum Keluarga Rasulullah diadakan bagi memberi pendedahan kepada semua lapisan masyarakat terhadap kaedah pendidikan Rasulullah bagi melahirkan insan-insan berkeperibadian mulia. Forum ini turut bertujuan menekankan masyarakat peri pentingnya mendidik anak-anak dengan menampilkan kaedah-kaedah tertentu, di samping merealisasikan hasrat murni Kerajaan Negeri Kelantan untuk membentuk keluarga mawaddah selaras dengan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan.

Dalam konteks pelaksanaan, Forum Keluarga Rasulullah S.A.W telah diadakan dalam beberapa siri meliputi 14 buah kawasan di seluruh Kelantan. Antara tajuk-tajuk yang telah dibentangkan adalah “Poligami; (Madu atau hempedu), Mertuaku Ibuku, Menantuku Anakku dan Didik Anak Cara Nabi”.



Penceramah program Forum Keluarga Rasulullah



Antara peserta yang hadir ke Forum Keluarga Rasulullah

4.5 KEM MANAGEMENT QALBU

Kem Management Qalbu telah diadakan bermula pada tahun 2009. Program ini pada mulanya diadakan khusus kepada anak yatim sahaja. Bermula pada tahun 2011, program ini diadakan kepada pelajar perempuan sekolah Yayasan Islam Kelantan. Ia adalah program yang dirancang khusus untuk membantu golongan remaja yang menghadapi masalah di peringkat sekolah untuk mencari identiti menjadi golongan remaja yang lebih seimbang dari segi emosi, spritual, mental dan fizikal.

Seterusnya pada tahun 2017, program ini diadakan kepada beliawanis di setiap kawasan di seluruh negeri Kelantan. Antara pengisian program adalah berkenaan motivasi remaja, bagaimana mendidik dan membentuk jati diri remaja yang lebih mantap dan sebagai medan pembentukan diri bakal pemimpin masa depan demi mencapai misi *“Baladun Toyyibatun Wa Rabbun Ghafur”*.



Peserta Kem Management Qalbu



Peserta Management Qalbu Smart Teens yang terdiri daripada anak -anak yatim terpilih



Pengisian oleh fasilitator kepada peserta Kem Management Qalbu di Rumah Perlindungan Wanita Sinar Harapan (Darul Auni)



Latihan Dalam Kumpulan yang dibuat antara peserta dan fasilitator program Kem Management Qalbu

4.6 KURSUS HALIMATUL SAADIAH

Kursus Halimatul Saadiah adalah kursus yang diadakan khusus kepada pengasuh-pengasuh yang menjaga kanak-kanak di rumah di seluruh negeri Kelantan. Nama Halimatul Saadiah diambil sempena nama ibu susuan dan pengasuh Rasulullah S.A.W iaitu Halimatus Sa'diah. ini diadakan kerana menyedari bahawa pendidikan awal kanak-kanak telah menjadi satu industri baru dan dipandang berat serta mendapat permintaan yang tinggi khasnya ibu bapa yang bekerjaya. Penekanan juga dibuat berkaitan pengendalian taska yang baik dan teratur mampu memberi jaminan penjagaan kanak-kanak yang lebih sempurna.

Menyedari hakikat ini, pihak kerajaan negeri melalui UPWK menyediakan latihan berkaitan asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak kepada pengasuh yang terdapat di seluruh negeri Kelantan. Sasaran utama adalah kepada pengasuh yang mengusahakan taska di rumah dan di premis. Antara pengisian ceramah Kursus Halimatul Saadiah adalah berkenaan asas kebersihan diri dan keluarga, asas nutrisi dan pemakanan makanan seimbang, asas kerohanian dan asas keselamatan di rumah.



Peserta program Kursus Halimatul Saadiah Zon Utara bergambar bersama YB Hajah Wan Ubaidah Omar bertempat di Perdana Resort, PCB Kota Bharu pada 19 Mac 2016



Penceramah sedang menyampaikan pengisian kepada peserta Kursus Halimatul Saadiah



Penyerahan kit kebersihan kepada peserta Kursus
Halimatul Saadiah

4.7 BENGKEL ASAS KAUNSELING

Bengkel Asas Kaunseling diadakan bagi memenuhi keperluan kaunselor terlatih. Bengkel ini mensasarkan seramai 35 orang pembantu kaunselor sukarelawan dan kaunselor di seluruh Sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK). Mereka diberi tunjuk ajar tentang bagaimana mengadakan sesi kaunseling yang berjaya. Pengisian bengkel asas ini adalah dalam dua siri; siri pertama penekanan kepada perkara-perkara asas kaunseling dan siri kedua pula penekanan kepada teori dan amalan kaunseling.

Bengkel ini dijalankan secara praktikal yang melibatkan sesi perbincangan, bimbingan dan nasihat telah berlaku di antara dua individu atau secara berkelompok. Bengkel kaunseling

di bawah Kerajaan Negeri Kelantan ini turut menggerakkan Pusat Khidmat Wanita bagi membantu meringankan beban yang dipikul oleh wanita dan keluarga. Bengkel ini juga berupaya menyediakan kaunselor berpengalaman dan menganjurkan latihan ke arah melahirkan kaunselor yang terlatih.



Ceramah Bengkel Asas Kaunseling oleh En Jalil,
Pensyarah Universiti Teknologi Petronas



Antara peserta yang hadir program Bengkel Asas Kaunseling
bertempat di Dewan AB, Kompleks Balai Islam, Lundang



Antara aktiviti Latihan Dalam Kumpulan yang diikuti oleh
peserta bengkel



Penceramah Bengkel Asas Kaunseling bersama staf dan sukarelawan UPWK

4.8 SEMINAR RUMAHTANGGA BERKAT

Seminar Rumahtangga Berkat telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk memberi penerangan kepada masyarakat pentingnya kefahaman berkenaan konsep sebenar perkahwinan yang selari dengan tuntutan Islam. Hal ini kerana majoriti masyarakat sekarang sudah tidak lagi mementingkan keberkatan dalam pembinaan rumahtangga tetapi hanya sekadar melaksanakan tuntutan perintah berkahwin itu semata-mata.

Oleh itu, masyarakat perlu diberi pendedahan bahawa antara keberkatan sesebuah perkahwinan adalah pada kadar mas kahwin yang rendah dan majlis yang sederhana di

samping faktor-faktor lain seperti majlis diadakan mengikut kemampuan dan majlis yang mengikut syariat islam iaitu tiada unsur maksiat.



Peserta Seminar Rumahtangga Berkat yang bertempat di Dewan Besar Balai Islam, Lundang pada 12 November 2008



Keratan Buletin UPKN pada 1-15 Disember 2008 :
Mas Kahwin Tinggi Punca Lewat Kahwin



Keratan Buletin UPKN pada 1-15 Disember 2017 :
Lebih 400 orang peserta Seminar Rumahtangga Berkata

4.9 KEMBARA ANAK MUDA

Kembara Anak Muda adalah satu program yang dikhususkan kepada beliawanis dari seluruh Kelantan. Pada tahun 2007, program Kembara Anak Muda ini diadakan dengan konsep lawatan sambil belajar. Mereka dibawa bermusafir ke Kuala Lumpur dan Pulau Pinang dengan objektif untuk memberi pendedahan dan membuka minda mereka dengan suasana dan pengalaman yang baru disamping untuk mengeratkan silaturrahim dan saling kenal mengenal antara mereka.

Manakala pada tahun 2008, Kembara Anak Muda diadakan dengan konsep pertukaran anak angkat. Mekanisma program dikenali sebagai silang budaya di mana anak muda yang berada di kampung tinggal di bandar dan sebaliknya. Program berlangsung selama tiga hari dua malam. Objektif program adalah untuk memperkenalkan kepada anak muda cara kehidupan di bandar dan kampung di samping mengeratkan hubungan di antara keluarga angkat dan anak angkat.

Program Kembara Anak Muda ini adalah antara program anjuran kerajaan negeri untuk membina dan membentuk jatidiri beliawanis yang perkasa, berteraskan ilmu, akhlak dan ketrampilan yang berpaksikan islam.



Peserta Kembara Anak Muda ke Pulau Pinang



Peserta Kembara Anak Muda ke Kuala Lumpur



Perjalanan peserta program Kembara Anak Muda ke
Kuala Lumpur



Peserta Kembara Anak Muda Sedang Mendengar
Taklimat daripada Urus Setia di Kuala Lumpur

4.10 FORUM KELUARGA BAHAGIA

Forum Keluarga Bahagia telah diadakan pada 7 Syaaban 1429H bersamaan 9 Ogos 2009. Program ini telah disertai oleh pasangan suami isteri dan diadakan bertempat di perkarangan Tesco, Kota Bharu. Objektif program adalah untuk membentuk sebuah keluarga harmoni, berkasih sayang dan bertolak ansur di antara satu sama lain. Selain itu, ia juga membantu memberi kesedaran kepada masyarakat tentang tanggungjawab dan kewajipan sebagai suami isteri serta ahli keluarga.

4.11 KESIMPULAN

Semoga dengan pelaksanaan pelbagai program ini dapat meningkatkan jati diri setiap ahli keluarga dan mampu membantu menangani masalah dan gejala sosial yang semakin membarah di dalam masyarakat.

BAB 5

SAMBUTAN & PENGIKTIRAFAN



BAB 5

SAMBUTAN DAN PENGIKTIRAFAN

5.1 PENDAHULUAN

Pelbagai bentuk program, sambutan dan pengiktirafan telah dibuat oleh UPWK melalui Unit Keluarga untuk meraikan keluarga dan peranan yang dimainkan oleh ahli-ahli keluarga. Terdapat 12 pendekatan yang telah digunakan oleh UPWK untuk menghargai dan meraikan keluarga. Sambutan dan pengiktirafan ini diberikan oleh kerajaan negeri untuk mengangkat keluarga yang cemerlang sebagai contoh kepada keluarga lain.

5.2 KAHWIN PERDANA

Unit Pembangunan Keluarga memainkan peranan dengan membantu pasangan yang menghadapi masalah untuk mendirikan rumahtangga. Selain itu, program ini turut memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kebaikan memudahkan urusan perkahwinan dan mengurangkan adat istiadat yang tiada kaitan dengan kemaslahatan agama. Pasangan turut dididik tentang tanggungjawab yang bakal dipikul oleh mereka bagi melahirkan keluarga sakinah dan masyarakat madani.

Program Kahwin Perdana telah diadakan pada 25 Disember 2010 dan bertempat di Pusat Tarbiah Islamiah (PUTIK). Program ini diadakan dengan melakukan akad nikah serentak ke atas 101 pasangan pengantin dan khutbah nikah pula dibaca oleh YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan. Majlis akad nikah turut didahului dengan persembahan silat untuk para pengantin.

Pasangan pengantin yang dikahwinkan dalam Program Kahwin Perdana ini telah dipilih berdasarkan kriteria-kriteria tertentu, seperti mempunyai pendapatan rendah, pasangan atau salah seorang daripada pasangan baru memeluk Islam; dan pasangan atau salah seorang daripada pasangan adalah daripada masyarakat Orang Asli.

Antara program susulan yang dianjurkan selepas program kahwin perdana adalah Jamuan Meraikan Pasangan Kahwin Perdana Masyarakat Bersama Orang Asal dan Musafir Ilmu Pasangan Kahwin Perdana yang terpilih ke China pada tahun 2011. Program yang terakhir yang dibuat kepada 101 pasangan ini adalah Jejak Kasih Kahwin Perdana pada tahun 2016 yang diadakan di Dewan Bunga Teratai, Kota Darul Naim.



Peserta kahwin perdana bergambar bersama Yang
Berhormat Exco, ADUN dan isteri



Peserta Kahwin Perdana yang diijabkabulkan oleh Almarhum Dato'
Bentara Setia Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat pada
25 Disember 2010



Suasana semasa berlangsungnya Program
Kahwin Perdana Pada Tahun 2010



Jamuan meraikan Pasangan Kahwin Perdana Masyarakat
bersama Orang Asal

5.3 SAMBUTAN HARI SUAMI ISTERI

Unit Pembangunan Keluarga menganjurkan Sambutan Hari Suami Isteri Peringkat Negeri Kelantan bagi menyokong para suami dan isteri dalam memikul tanggungjawab berkeluarga.

Program Sambutan Hari Suami Isteri ini disifatkan mencapai objektif untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya tanggungjawab institusi keluarga di dalam membentuk masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Melalui program ini, penerapan konsep ihsan kepada ibu-bapa sebagai prasyarat melahirkan masyarakat penyayang dan sejahtera diterapkan. Di samping itu program ini turut meraikan segala pengorbanan ibu bapa dalam melahirkan dan membentuk generasi hari ini. Program Sambutan Hari Suami Isteri telah diisi dengan slot motivasi untuk membimbing para peserta yang mencecah sekitar 1000 orang.



Sambutan Hari Suami Isteri yang dihadiri oleh
Almarhum Dato' Bentara Setia Tuan Guru Haji Nik Abdul
Aziz Nik Mat dan isteri pada 9 Februari 2012



Pelancaran Sambutan Hari Suami Isteri yang dihadiri oleh
Almarhum Dato' Bentara Setia Tuan Guru Haji Nik Abdul
Aziz Nik Mat dan isteri pada 9 Oktober 2010



Antara peserta yang hadir pelancaran Hari Suami Isteri di Dewan Besar PUTIK, Pengkalan Chepa pada 9 Oktober 2017



Almarhum Dato' Bentara Setia Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat dan isteri antara VVIP yang hadir ke program Sambutan Hari Suami Isteri di Dewan Besar Balai Islam, Lundang 9 Februari 2012

5.4 ANUGERAH KELUARGA MAWADDAH

Bagi menjayakan Dasar Keluarga Mawaddah Kerajaan Negeri Kelantan telah mewujudkan Anugerah Keluarga Mawaddah melalui program Sambutan Hari Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan yang melibatkan 45 DUN seluruh Kelantan pada tahun 2012 dan 2013. Hasilnya sehingga kini seramai 72 buah keluarga telah terpilih sebagai Tokoh Keluarga Mawaddah di DUN masing-masing.

Pada 20 Oktober 2012, Majlis Sambutan Hari Keluarga Mawaddah Peringkat Negeri Kelantan telah diadakan dan dirasmikan oleh Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai Menteri Besar Kelantan ketika itu. Pada majlis tersebut buat pertama kalinya diperkenalkan Anugerah Keluarga Mawaddah Peringkat Negeri Kelantan. Sebanyak tiga (3) kategori yang diperkenalkan di dalam anugerah ini iaitu:-

- i. Anugerah Zamrud (Keluarga Biasa)
- ii. Anugerah Delima (Keluarga Armalah atau Bapa Tunggal)
- iii. Anugerah Nilam (Keluarga OKU iaitu orang kurang upaya)

Pencalonan tersebut adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan melibatkan pencalonan dari

45 DUN untuk dipilih oleh kerajaan Negeri. Antara kriteria yang telah dinilai adalah sebagaimana berikut :-

- i) **Kemudahan asas** : Keluarga mempunyai kemudahan asas (makanan, pakaian dan tempat tinggal) yang sempurna dan mencukupi.
- ii) **Hubungan sesama ahli keluarga** : Keluarga mempunyai hubungan mesra dan perasaan hormat antara suami, isteri, ibubapa, anak-anak dan juga saudara mara.
- iii) **Hubungan keluarga sesama jiran tetangga** : Keluarga mengamalkan sikap kejiranan yang mesra.
- iv) **Pengurusan rumah tangga** : Keluarga mempunyai pengurusan rumah tangga yang baik dari segi kewangan, pendidikan agama dan akhlak anak-anak.
- v) **Potensi anak-anak** : Sumbangan bakti anak-anak kepada keluarga.
- vi) **Sumbangan ibu / bapa / keluarga kepada masyarakat** : Penglibatan ibu / bapa / keluarga dalam aktiviti yang memberi sumbangan kepada kemasyarakatan dan kesukarelawan.

Kemuncak daripada Penggubalan Dasar Keluarga Mawaddah, kerajaan negeri Kelantan telah menobatkan keluarga Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat mantan Menteri Besar Kelantan sebagai Ikon Keluarga Mawaddah Peringkat Negeri Kelantan.



Keluarga Almarhum Dato' Bentara Setia Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat dinobatkan sebagai Ikon Keluarga Mawaddah peringkat Negeri Kelantan pada 9 Februari 2012 sempena Sambutan Hari Suami Isteri



Antara penerima Anugerah Keluarga Mawaddah DUN di Sambutan Hari Keluarga Mawaddah Peringkat Negeri Kelantan



Penyampaian sijil sempena Hari Keluarga Mawaddah DUN
Pengkalan Kubor



Penyampaian sijil sempena Hari Keluarga Mawaddah DUN
Kota Lama



Antara aktiviti yang diadakan dalam program
Sambutan Hari Keluarga Mawaddah peringkat negeri Kelantan



Antara aktiviti yang diadakan dalam program Sambutan Hari
Keluarga Mawaddah peringkat negeri Kelantan

5.5 SAMBUTAN HARI IBU BAPA

Sambutan Hari Ibu Bapa adalah inisiatif Kerajaan Negeri Kelantan untuk meraikan ibu dan bapa sempena Hari Ibu Sedunia dan Hari Bapa Sedunia yang disambut pada bulan Mei. Objektif sambutan ini diadakan adalah bagi memberi kesedaran kepada anak-anak tentang segala pengorbanan ibu bapa, mengiktiraf dan menghargai jasa dan pengorbanan ibu bapa terhadap anak-anak. Kumpulan sasar kempen ini adalah semua lapisan masyarakat. Sepanduk Kempen Sambutan Hari Ibu Bapa akan dibekal dan dinaikkan di seluruh negeri Kelantan. Sambutan ini juga bersempena dengan Hari Keluarga Mawaddah Peringkat Negeri Kelantan iaitu Jumaat dan Sabtu terakhir bulan Mei setiap tahun.



Sepanduk Sambutan Hari Ibu Bapa Peringkat DUN

5.6 BENGKEL IBU BAPA MUDA

Kesedaran tentang pembinaan Keluarga Mawaddah ini perlu sentiasa disemai dari semasa ke semasa. Pendidikan bagi mereka yang baru bergelar ibu bapa muda juga perlu diberi perhatian dan penekanan. Penganjuran program Bengkel Ibu Bapa Muda di setiap DUN oleh pihak Kerajaan Negeri Kelantan adalah satu langkah yang sangat baik untuk memberi perhatian dan bantuan kepada mereka yang baru merasai pengalaman pertama sebagai ibu bapa. Antara pengisian program adalah ceramah motivasi ibu bapa, cadangan demonstrasi penjagaan dan pengurusan bayi, tayangan demonstrasi *Do It Yourself* dan Taklimat Buku Panduan Keluarga Mawaddah. Sasaran utama program adalah golongan ibu dan bapa muda di 45 DUN.



بىڭكىل ايبوباف مودا

BENGKEL IBUBAPA MUDA

DUN BUNUT PAYONG

19 OGOS 2017 M 08.00 PAGI
26 ZULKAEDAH 1438 H 01.00 PETANG

ASTAKA JKR 10,
KEDIAMAN RASMI MB KELANTAN DARULNAIM.

APA YANG MENARIK???

- ✓ Pertandingan Mewarna (6 thn ke bawah)
- ✓ Pertandingan Dart (13 thn ke atas)
- ✓ Pertandingan Bayi Sihat
- ✓ *Bunut Payong Couple Chef* (Suami Isteri 40 thn ke bawah)
- ✓ *Bunut Payong Got Talent* (12 thn ke bawah)
- ✓ Pertandingan Daftar Ahli Keluarga Teramai
- ✓ Cabutan Bertuah

PENDAFTARAN AWAL:
SMS/WA ke 019-377 5399

Bengkel Ibu Bapa Muda DUN



Ahli jawatankuasa program Bengkel Ibu Bapa Muda DUN Kadok



Slot Ceramah Motivasi Bengkel Ibu Bapa Muda DUN Bunut Payong



Pertandingan Bina Lego di Bengkel Ibu Bapa Muda DUN Tanjong Mas

5.7 PENGISYTIHARAN HARI KELUARGA MAWADDAH NEGERI KELANTAN

Hari Jumaat dan Sabtu terakhir bulan Mei telah dipilih sebagai Hari Keluarga Mawaddah bagi Negeri Kelantan di mana pada hari ini, jabatan-jabatan kerajaan tidak dibenarkan mengadakan sebarang majlis atau program rasmi kecuali aktiviti yang melibatkan keluarga. Hari Keluarga Mawaddah telah disambut bermula pada tahun 2015 dan diisytiharkan cuti bagi semua kakitangan dan pekerja bagi membolehkan mereka meluangkan masa berkualiti bersama keluarga.

Kelantan isytihar Hari Keluarga Mawaddah

Omeh SALMAH MAT HUSAIN Foto RIZAL TAHIR

NOTA BHARU: Bagi menarik keluarga khususnya kakitangan kerajaan negeri, Kelantan mengisytiharkan Hari Keluarga Mawaddah pada hari Jumaat dan Sabtu minggu terakhir bulan Mei.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keluarga, Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat, Menteri Md Nawi, berkata ia juga sebagai hadiah istimewa khusus untuk anggota keluarga kakitangan kerajaan negeri.

Berita berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan yang diadakan di Balai Ismail, Langkat, dekat sini, baru-baru ini.

Menurutnya, pada hari berkenaan jabatan di bawah Kementerian Kesihatan ber-

ga adalah amalan media.

"Nabi Muhammad saw. seperti mengajar tentang ciri-ciri pendidikan ketika bapaan, bagaimana menjadi seorang suami isteri yang baik.

"Kisah bagaimana tokoh ketahanan seperti Lukmanul Hakim, Nabi Ibrahim, Nabi Daud diwujudkan dengan baik dalam al-Quran dan mudah-mudahan menjadi panduan untuk kita," ujarnya.

Pada masa yang sama, tambah beliau, kerajaan negeri melalui program Dasar Keluarga Mawaddah akan mewujudkan Tada Keluarga Mawaddah Kelantan.

Sempena seminar itu diadakan forum yang melibatkan penerus-penerus, Usamah Zaidah Hassan, Pegawai Agama Jabatan Pasir Putih, Ustaz Saemudin Md Yusoff dan Pengerusi Universiti

Md Nawi.

Jelas Muntaz, dalam anggaran Belanjawan 2015 barisan ini turut ditekankan hal berkaitan pendidikan awam kanak-kanak di Kelantan.

"Pada tahun ini juga, Dasar Kanak-Kanak dan Penjagaan Kanak-Kanak Kelantan akan digubal.

"Tindakan itu bertujuan bagi memastikan kelahiran generasi yang mempunyai

pegangan akhlak Islam yang teguh dengan mendidik pendidikan sejak awal," ujarnya.

Muntaz berkata, agenda ini juga keluarga perlu bermula dengan diri, keluarga, masyarakat dan ummah seluruhnya.

Panai forum Keluarga Mawaddah

Keratan akhbar Harakah : Kerajaan Negeri Kelantan isytihar Jumaat dan Sabtu terakhir Mei sebagai Hari Keluarga Mawaddah



Sepanduk Hari Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan yang diedarkan keseluruh Negeri Kelantan



Mas Sabu - lima minit jam 7.50 pagi pada 22 Februari lalu.

Oleh budibetabek: kesalahan yang boleh dihalau di bawah Seksyen 363 Kanun Keseksaan.

Bagi kes tersebut, Timbalan Pendakwa

Muhammad Aliman Perera didakwa di Mahkamah, Kluang.

Bagi kes tersebut, Timbalan Pendakwa Raja Negeri, Noor Deyana Muhammad, memutarakan jaminan sebanyak RM5,000 dan mahkamah membenarkan da'waan RM1,500.

Semua kes berkaitan tertuduh bersencong 19 Mei ini.

dan dibekukan. Kes yang diperuntukkan hukuman penjara semasa tidak akan penjara minimum 10 tahun jika lara tahun dan minimum 10 tahun jika lara tahun.

Tertuduh juga didakwa memiliki senjata api berwujud karungan diayak mendeputasi sebagai 1, gres pada tarikh, waktu dan lokasi sama.

Bagi perbuatan itu, da'waan melaikan kesalahan mengikut Seksyen 132(1) dan 132(2) Kanun Keseksaan dan dibekukan di ba-

Perkasa institusi keluarga

Kerajaan negeri isytihar Jumaat dan Sabtu terakhir Mei sebagai Hari Keluarga Mawaddah

KOTA BHARU - Bagi memperkakan lagi institusi keluarga, kerajaan negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) meluluskan pengisytiharan Hari Keluarga Mawaddah peringkat Negeri Kelantan yang akan diadakan setiap Jumaat dan Sabtu terakhir Mei setiap tahun.

Pengisytiharan ini akan dilaksanakan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesejahteraan Rakyat, Muztaz Mat Nawi berikutan, selain dengan pengisytiharan itu, semua program rasmi kerajaan dari agensi tidak akan dibatalkan.

apart yang yang ada dipati di dibatalkan bersama keluarga masing-masing.

"Uti yang ada sekarang banyak diisi dengan pelbagai aktiviti dan program, jadi kita harap bermula Mei tahun depan, Jumaat dan Sabtu terakhir itu akan menjadi satu masa untuk orang boleh kembali untuk bersama keluarga masing-masing."

"Pengusaha hotel, pasar raya dan taman-taman tema akan disaran untuk mengadakan program agar dapat dijalankan masa-masa keluarga sedialu yang memantapkan Hari Keluarga Mawaddah ini untuk memperkakan silaturahim dan meningkatkan kemahabbes-



66 Kerajaan negeri turut meluluskan cadangan mengadakan Hari Suri rumah Negeri Kelantan yang ditetapkan pada Sabtu terakhir Ogos setiap tahun sebagai pengiktirafan kepada golongan suri rumah di negeri ini."

Muztaz Mat Nawi berkata, kerajaan negeri juga berharap perkhidmatan tidak hanya meluluskan cadangan mengadakan Hari Suri rumah Negeri Kelantan yang ditetapkan pada Sabtu terakhir Ogos setiap tahun sebagai pengiktirafan kepada golongan suri rumah di negeri ini.

Memerutaz, sambutan itu juga tunda selang seminggu kerana negeri kepada semesta ke-

"Jika sebelum banyak suri rumah dari negeri diambil, namun dengan adanya 9 berikutan ia akan mereka banggas dan bangga institusi keluarga ini," katanya.

Muztaz sambilan suri rumah yang kurang habibiyat gara sama ada ekonomi dan di dalam dari lebih kurang RM diperuntukkan bayar tugas dan wab yang dibekas sebulan.

Keratan akhbar Sinar Harian : Pengisytiharan Hari Keluarga Mawaddah dalam Seminar Keluarga Mawaddah Peringkat Negeri Kelantan

74

5.8 SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK NEGERI KELANTAN

Menyedari kepentingan memberi perhatian kepada kanak-kanak sejak dari awal, Kerajaan Negeri Kelantan telah menunjukkan keprihatinan dan kecaknaan dengan mengadakan program sambutan ini khusus buat kanak-kanak di seluruh negeri Kelantan. Program telah diadakan pada 12 September 2015 bertempat di Dewan Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (PUTIK). Antara objektif program sambutan ini adalah untuk memberi kesedaran kepada ibu-bapa mengenai pentingnya penjagaan awal kanak-kanak sebagaimana mengikut dasar-dasar yang telah digariskan oleh Islam. Di samping itu, program turut menyediakan ruang bagi meraikan kanak-kanak dan sebagai peluang untuk mereka berhibur bersama keluarga masing-masing.

Penghargaan khas pula diterima oleh Afeeq Haadhi Mohd Hakimi yang berumur 10 tahun bersempena Sambutan Hari Kanak-kanak Peringkat Negeri Kelantan yang telah diadakan pada 28 Zulkaedah 1436H bersamaan 12 September 2015 yang bertempat di Dewan Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (PUTIK), Pengkalan Chepa. Penghargaan khas ini diberikan kepada beliau kerana beliau telah menyelamatkan dua adiknya di dalam kebakaran yang berlaku di rumah beliau. Ketika kejadian, ayahnya keluar bekerja dan ibunya tiada dirumah kerana keluar mengambil adiknya yang bersekolah. Semangat keberanian itulah yang

mendorong pihak kerajaan negeri memberikan anugerah khas kepada beliau.



Sambutan Hari Kanak-Kanak Negeri Kelantan pada
12 September 2015



Peserta Pakaian Paling Kreatif sempena Sambutan Hari Kanak-kanak
Negeri Kelantan bertempat di Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan
(PUTIK)

5.9 ANUGERAH TOKOH IBU

Anugerah Tokoh Ibu telah diadakan pada tahun 2005 dan tahun 2007. Pada tahun 2005, Urus Setia Pembangunan Wanita, Belia dan Sukan Kerajaan Negeri Kelantan telah menerima sebanyak 80 pencalonan daripada seluruh negeri Kelantan untuk menerima Anugerah Tokoh Ibu 2005. Seramai 6 tokoh ibu terpilih daripada 80 pencalonan yang diterima oleh pihak penganjur. Antara kategori yang dinilai dalam pemilihan tokoh ibu adalah pendidikan calon, sumbangan calon kepada masyarakat dan kejayaan anak-anak calon. Manakala pada tahun 2007 pula sebanyak 131 pencalonan dan lima orang tokoh ibu dipilih untuk anugerah Tokoh Ibu Bekerja, Tokoh Ibu Armalah, Tokoh Ibu OKU, Tokoh Ibu Suri Rumah dan Tokoh Ibu Kategori Anugerah Khas. Anugerah ini disampaikan kepada peserta bersempena program Sambutan Hari Ibu.



Yang Maha Mulia Raja Perempuan Tengku Anis Almarhum Tengku Abdul Hamid telah mencemari merasmikan Sambutan Hari Ibu peringkat Negeri Kelantan pada 7 Ogos 2007



Antara peserta yang hadir di dalam program
Sambutan Hari Ibu



Penerima Anugerah Tokoh Ibu Bekerja, Tokoh Ibu Armalah, Tokoh
Ibu OKU, Tokoh Ibu Suri Rumah dan Tokoh Ibu Anugerah Khas
pada 7 Ogos 2007

5.10 MALAM PENGHARGAAN IBU MITHALI KELANTAN

Malam Penghargaan Ibu Mithali Kelantan telah diadakan bagi meraikan peserta pencarian tokoh ibu pada tahun 2005 dan 2007. Ianya bertujuan untuk menghargai penglibatan semua peserta yang menghantar penyertaan pencarian tokoh ibu. Selain itu, ia juga menjadi medan untuk menjalinkan ukhuwah di antara para peserta pencarian tokoh-tokoh ibu 2005 dan 2007, ahli jawatankuasa, petugas-petugas dan pelaksanaan Hari Ibu 2005 dan 2007. Program ini telah diadakan pada 29 Syaaban 1428H bersamaan dengan 11 September 2007 bertempat di Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darul Naim.



Penyampaian Hadiah Kepada Tokoh Ibu



Penyampaian Hadiah Kepada Tokoh Ibu

5.11 JEJAK KASIH KAHWIN PERDANA

Jejak Kasih Kahwin Perdana adalah satu program yang diadakan khusus kepada pasangan Kahwin Perdana 2010. Program ini telah diadakan di Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota DarulNaim (SUK) pada tarikh 11 Julai 2016 bersamaan 06 Syawal 1437H.

Objektif program adalah untuk menghimpunkan pasangan suami isteri dan anak-anak peserta Kahwin Perdana 2010 dalam satu Majlis Ramah Mesra Aidilfitri disamping melihat perkembangan pasangan ini selepas 5 tahun program Kahwin Perdana berlangsung. Selain itu, dalam program ini juga diadakan ceramah berkaitan keluarga untuk memberi kesedaran dan ilmu pengetahuan kepada suami isteri mengenai tanggungjawab dan peranan dalam mendidik anak-anak. Ceramah disampaikan oleh Ustaz Saibon Ismail.



Antara peserta program Jejak Kasih Kahwin Perdana



Penyampaian hadiah kepada peserta
kategori Bayi Paling Comel



Antara pasangan Kahwin Perdana yang hadir



Ustaz Saibon Ismail sebagai penceramah jemputan Program
Jejak Kasih Kahwin Perdana

5.12 PROGRAM CAKNA KELUARGA

Program Cakna Keluarga telah diadakan bermula tahun 2005 sehingga tahun 2010. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan mendalam kepada rakyat tentang pentingnya pendidikan kesihatan keluarga dalam Islam dan telah mendedahkan kepada peserta tentang kesempurnaan sistem kekeluargaan Islam seterusnya membantu untuk masyarakat menghayati islam dan merealisasikan tuntutannya. Selain itu, seluruh rakyat Kelantan juga didedahkan mengenai tips-tips penjagaan kesihatan keluarga yang sistematik Program Cakna Keluarga ini telah diadakan di peringkat DUN bermula tahun 2005 hingga tahun 2010.

5.13 PROGRAM CAKNO AULAD

Program Cakno Aulad dilaksanakan dengan meraikan kelahiran baru bersempena dengan sambutan Maulidur Rasul. Program ini juga sebagai tanda keprihatinan Kerajaan Negeri Kelantan terhadap golongan bayi yang merupakan pelapis penting bagi masa depan negara. Selain itu, ia turut menyuntik kesedaran ibu bapa tentang peri pentingnya mendidik anak-anak semenjak hari pertama kelahiran lagi.

Cakno Aulad ini dijalankan dalam bentuk ziarah pimpinan dan wakil UPWK ke hospital-hospital di seluruh jajahan. Antaranya di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian diikuti hospital-hospital jajahan ; Hospital Pasir Mas, Hospital Tumpat, Hospital Machang, Hospital Pasir Puteh, Hospital Tanah Merah, Hospital Kuala Krai, Hospital Jeli dan Hospital Gua Musang. Rombongan ziarah ini dibawa melawat beberapa orang ibu terpilih dengan membawa sumbangan hamper makanan kesihatan kepada mereka dan sedikit bimbingan serta nasihat.



YB Rohani Ibrahim menyampaikan saguhati kepada
Ibu Bersalin sempena Program Cakna Aulad



Program Cakno Aulad yang diadakan di Hospital Pasir Puteh

5.14 KESIMPULAN

Pelaksanaan pelbagai sambutan dan pengiktirafan kepada semua peringkat ahli dalam keluarga di seluruh peringkat negeri ini bertujuan untuk memberi kesedaran bahawasanya kerajaan Negeri Kelantan cakna akan ke semua golongan bermula daripada kanak-kanak hinggalah kepada golongan ibu bapa.

BAB 6

INFRASTRUKTUR



BAB 6

INFRASTRUKTUR

6.1 PENDAHULUAN

Kerajaan negeri Kelantan mengambil inisiatif untuk menyediakan beberapa infrastruktur yang menyokong perkembangan keluarga yang baik. Kewujudan 2 infrastruktur iaitu Rumah Perlindungan Wanita Sinar Harapan (Darul Auni) dan Taska Keluarga Mawaddah membuktikan kerajaan negeri Kelantan melindungi dan memberi tumpuan kepada golongan wanita. Rumah Perlindungan bertujuan untuk memberi perlindungan sementara kepada golongan wanita yang teraniaya. Manakala Taska Keluarga Mawaddah pula berfungsi untuk memberi kemudahan kepada staf wanita yang bekerja di Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan dan kawasan sekitar Kota Bharu untuk meletakkan anak mereka semasa mereka bekerja.

6.2 RUMAH PERLINDUNGAN WANITA SINAR HARAPAN (DARUL AUNI)

Rumah Perlindungan Wanita Sinar Harapan (Darul Auni) adalah rumah perlindungan sementara untuk golongan remaja dan wanita yang bermasalah. Mereka akan berlindung di rumah ini dalam tempoh maksimum 6 bulan dan mereka akan diberi sesi kaunseling oleh pegawai

khidmat nasihat dan warden Rumah Perlindungan Wanita Sinar Harapan (Darul Auni).

Antara penghuni rumah perlindungan ini ialah mangsa penderaan, mangsa rogol atau penderaan seksual, wanita terlibat dengan kes-kes yang dirujuk oleh mahkamah Syariah, gadis mengandung anak luar nikah dan mana-mana wanita yang memerlukan perlindungan. Rumah Perlindungan ini tidak menerima kes yang berkaitan dengan penyakit AIDS dan penagih dadah.

Pada satu-satu masa, keupayaan rumah perlindungan hanya boleh menampung kira-kira 30 penghuni. Mereka diberikan latihan dan tarbiah untuk hidup menurut cara hidup sihat, mampu membina motivasi diri, mengikuti pendidikan agama dan memperbaiki hubungan dengan keluarga. Sementara perkhidmatan kaunseling pula diberikan kepada mereka bagi memulihkan semangat dan keyakinan diri bagi terus mengorak langkah untuk meniti arus kehidupan yang lebih baik.



Perasmian Rumah Perlindungan Wanita Sinar Harapan
(Darul Auni) oleh Datin Bentara Setia Tuan Sabariah Tuan Ishak
pada tahun 2012



Rumah penghuni yang bertempat di Rumah
Perlindungan Wanita Sinar Harapan (Darul Auni)

6.3 TASKA KELUARGA MAWADDAH

Menyedari tentang peri pentingnya pendidikan awal kanak-kanak yang merupakan aset dunia akhirat kepada para ibu bapa, Unit Pembangunan Keluarga telah membuka sebuah taska yang dikenali sebagai Taska Keluarga Mawaddah mula beroperasi 1 Jun 2015 dan dibuka untuk kanak-kanak berumur dari 6 bulan sehingga 4 tahun.

Taska menggunakan modul dan aktiviti yang mampu membantu meningkatkan perkembangan anak-anak ini dalam meletakkan sasaran utama iaitu untuk membantu para ibu bapa yang bekerja mengurus dan mengasuh anak-anak mereka tanpa bantuan pembantu rumah. Disamping itu, taska ini juga digarap dengan baik bagi menjadikan ia sebagai sebuah taska contoh dari segi kualiti keselamatan dan sistem.

Taska Keluarga Mawaddah adalah dibawah seliaan Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan yang ditubuhkan bagi mencapai pembentukan ummah yang bertaqwa melalui fasa pendidikan awal kanak-kanak. Penubuhan ini merupakan kesinambungan kepada Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan.


Beberapa objektif telah digariskan semasa penubuhan Taska Keluarga Mawaddah ini, iaitu supaya taska ini boleh membantu ibu bapa yang bekerja mengurus dan mengasuh

anak tanpa memerlukan pembantu rumah; kewujudan modul dan aktiviti yang membantu meningkatkan potensi perkembangan kanak-kanak; menjadi taska contoh dan tanda aras bagi taska lain bagi mewujudkan taska-taska yang berkualiti dan melahirkan kanak-kanak yang berperibadi mukmin melalui asas asuhan berkesan dan berkualiti berlandaskan prinsip-prinsip Islam.

Taska ini beroperasi dari hari Ahad hingga Khamis dari jam 7 pagi hingga 6 petang dan hingga 5 petang pada hari Khamis. Taska ini bertempat di Jalan Telipot, Kota Bharu berhampiran pejabat UPWK. Taska ini hanya menerima bayi yang berusia 6 bulan sehingga kanak-kanak yang berumur 4 tahun.

Jadual: Modul Taska Mawaddah

Bil.	Modul Rutin Harian	Modul Adab	Modul aktiviti
1	Rukun Iman	Adab dengan ibu bapa	Fokus
2	Rukun Islam	Adab dengan guru	Kreativiti
3	Hafazan doa-doa harian	Adab dengan sahabat	Pengetahuan
4	Hafazan Surah Lazim	Adab makan	Eksperimen
5	Nasyid/lagu	Adab tidur	



Taska Keluarga Mawaddah
bertempat di Jalan Telipot, Kota Bharu



Sambutan Hari Keluarga Taska Keluarga Mawadddah dan Majlis
Graduasi Pelajar Taska Keluarga Mawadddah



Pemeriksaan gigi oleh Klinik Kesihatan
Pergigian Kota Bharu



Antara aktiviti yang dilakukan kanak-kanak Taska
Keluarga Mawaddah



Antara kanak-kanak Taska Keluarga Mawaddah
yang bergraduasi



Aktiviti Kanak-kanak pada Hari Pertama di Taska
Keluarga Mawaddah



Antara aktiviti Kanak-kanak di Taska Keluarga Mawaddah

6.4 KESIMPULAN

Kewujudan infrastruktur ini dapat membantu merealisasikan keluarga mawaddah di seluruh negeri Kelantan dalam keadaan golongan wanita Kelantan terbelad dan anak-anak dapat dibesarkan dalam keadaan yang baik.

BAB 7

KERJASAMA PINTAR



BAB 7

KERJASAMA PINTAR BERSAMA JABATAN YANG BERKAITAN

7.1 PENDAHULUAN

Kerjasama pintar antara semua jabatan sangat penting untuk memastikan kerajaan negeri Kelantan mampu membangunkan institusi keluarga sebagai satu institusi yang signifikan dalam masyarakat. Kejayaan untuk membangunkan institusi ini tidak akan berjaya seandainya ia tidak mendapat kerjasama daripada jabatan yang berkaitan. Kerjasama strategik antara beberapa jabatan ini adalah sebagai satu usaha untuk memperkukuhkan tindakan dan menggembelng tenaga sekaligus memberikan impak yang signifikan ke arah melahirkan keluarga mawaddah. Antara jabatan yang membuat kerjasama dengan kerajaan negeri Kelantan adalah Pejabat Tanah dan Jajahan, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam dan Yayasan Islam Kelantan.

7.2 KERJASAMA PINTAR DENGAN PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN

Kerjasama yang dibuat oleh kerajaan negeri Kelantan adalah Seminar Keluarga Mawaddah peringkat jajahan dan parlimen melalui Pejabat Tanah dan Jajahan di seluruh negeri Kelantan. Kerjasama ini sangat penting supaya Dasar Keluarga

Mawaddah dapat disampaikan kepada seluruh rakyat negeri Kelantan. Kerjasama ini diteruskan lagi dengan mengadakan Seminar Keluarga Mawaddah peringkat parlimen dimana kita bekerjasama dengan masjid parlimen masing-masing. Antara masjid terpilih untuk bekerjasama adalah Masjid Muhammadi, Masjid As-Salam, Masjid Tengku Muhammad Faris Petra dan Masjid Umar Abdul Aziz.

7.3 KERJASAMA PINTAR DENGAN MPKB-BRI

Kerjasama pintar ini juga dibuat dengan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam. Sasaran program adalah pada kakitangan yang bekerja di pasaraya. Pasaraya yang terlibat adalah Pasaraya Mydin Kubang Kerian. Ia bertujuan untuk memastikan Dasar Keluarga Mawaddah dibumikan kepada seluruh pihak termasuk pekerja syarikat swasta.

7.4 KERJASAMA PINTAR DENGAN YAYASAN ISLAM KELANTAN

Manakala program seterusnya adalah Kem Management Qalbu. Program ini adalah kerjasama diantara kerajaan negeri Kelantan dan Yayasan Islam Kelantan. Program ini diadakan selama tiga hari dua malam khusus kepada pelajar wanita sekolah Yayasan Islam Kelantan yang bermasalah dan perlukan pihak ketiga untuk memberi nasihat, motivasi dan panduan kehidupan untuk meningkatkan jati diri mereka.

7.5 KESIMPULAN

Kerjasama pintar yang dilaksanakan antara Unit Keluarga UPWK dan jabatan-jabatan kerajaan negeri Kelantan telah membentuk sinergi yang membolehkan Dasar Keluarga Mawaddah disampaikan dengan lebih berkesan kepada semua pihak.



Seminar Keluarga Mawaddah bagi kakitangan Pasaraya Mydin Kubang Kerian yang disampaikan oleh Ustaz Nor Azariza Mohd Alawi



Seminar Keluarga Mawaddah bagi kakitangan Pasaraya Mydin Kubang Kerian

PENUTUP

Dasar pentadbiran Kerajaan Negeri berpandukan moto Membangun Bersama Islam yang terasnya adalah membangun Bersama Islam ialah berpaksikan kepada tiga teras utama iaitu *Ubudiah, Mas'uliah dan Itqan* (UMI).

Kunci kepada kejayaan pentadbiran di bawah dasar Membangun Bersama Islam kerana memberi penumpuan kepada nilai-nilai takwa bagi mencapai kejayaan kehidupan di dunia dan akhirat. Kejayaan sesebuah kerajaan bukan sahaja dari segi kemajuan ekonomi, tetapi kejayaan memberi kesedaran kepada masyarakat berkenaan kepentingan menghidupkan tatacara kehidupan berkeluarga sesuai dengan Islam dan budaya sejahtera yang telah digariskan dalam Dasar Keluarga Mawaddah.

Mewujudkan keluarga yang sakinah, mawaddah dan rahmah menjadi impian setiap ahli keluarga. Namun bagi mencapai kebahagiaan di dalam institusi keluarga setiap ahli keluarga perlu memahami peranan dan fungsi masing-masing. Peranan bapa sebagai nakhoda rumahtangga sangat penting bagi membawa keluarga menuju keredhaan Allah S.W.T. Kunci kejayaan dan kebahagiaan adalah apabila Allah S.W.T meredhai seluruh ahli keluarga di dunia dan akhirat.

InsyaAllah dengan kerjasama daripada semua pihak, Kelantan mampu menjadi negeri contoh untuk melahirkan Keluarga Mawaddah seterusnya memacu pembangunan ummah bagi merealisasikan ***“Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur”***.

- KELANTAN CAKNA KELUARGA -

*Burung Bayan Terbang Di Awan,
Turun Hinggap Di Hutan Gelam,
Negeri Kelantan Negeri Berkebajikan,
Subur Membangun Bersama Islam.*

*Senyum Diukur Tanda Syukur,
Juadah Dimasak Saling Berbalas,
Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur,
Wawasan Negeri Teguh Dibalas.*

*Indah Nian Bulan Purnama,
Cahaya Berseri Malam Nan Indah,
Keluarga Mawaddah Masyarakat Sejahtera,
Membentuk Aset Membangun Ummah.*

*Setiap Petang Mengutip Lokan,
Lokan Dimasak Bersama Ikan,
Ubudiyah, Mas'uliyah Dan Juga Itqan,
Diserap Teguh Pemangkin Gerakan.*

*Baik Langkah Baiklah Tarinya,
Tarian Inang Indah Berseni,
Baik Keluarga Baiklah Masyarakatnya,
Pencetus Ummah Pembina Generasi.*

*Pantai Tujuh Si Pantai Mek Mas,
Panorama Indah Suasanya Nyaman,
Cakno Aulad Cakna Warga Emas,
Tanda Prihatin Negeri Berkebajikan.*

*Kerana Sayang Hati Diserah,
Menyulam Sukma Mengukuh Ikatan,
Sakinah Mawaddah Beserta Rahmah,
Membangun Bersama Menuju Keberkatan.*

GALERI FOTO

29 Oktober 2014 - Sinar Harian

Ibu bapa perlu timba ilmu

Dalam mencorak pendidikan anak-anak supaya mengikut syariat Islam

JAWANG - Ibu bapa perlu sentiasa bersedia untuk memantapkan ilmu semasa mengasuh anak-anak dalam usaha untuk memastikan anak mereka mengikut syariat Islam.

Adun Jawang, Datuk Hassan Mahmood berkata, pengajaran formal di rumah adalah pengaruh utama dalam pendidikan anak-anak yang mencorak kehidupan mereka masa depan.

Katanya, sebagai ibu bapa masa kini, setiap pasangan suami isteri perlu pelia dengan perkembangan semasa agar tidak terlewat dengan perkembangan anak-anak.

"Ibu bapa tidak boleh membiarkan anak secara membentul atau tetapi perlu mengikut semangat yang diperkatakan agama.

Pendidikan agama, saling menghormati, toleransi dan adab seperti semestinya bermula dari rumah adalah asas utama.

Hassan (tengah, kiri) menyampaikan hadiah cabutan bertuah kepada penyertaan.

"Selain itu, ibu bapa juga perlu tahu anak agar tidak diberikan kebebasan bagi mengelakkan kepelikan tidak dingin," katanya selepas program Bengkel Ibu Bapa Muda peringkat Dun Jawang, dekat sini.

Hassan berkata, pengajaran bengkel sedemikian bertujuan memberi input kepada ibu bapa agar tidak laka dalam memberikan pendidikan kepada anak-anak selain pendidikan formal di sekolah.

Katanya, antara langkah dalam mendidik anak-anak ialah solat berjemaah di rumah, selain membawa mereka ke masjid untuk mendengar ceramah agama.



Keratan akhbar Sinar Harian pada 29 Oktober 2014 :

Ibu Bapa Perlu Timba Ilmu

SINAR HARIAN 10 APRIL 2014

Luaskan dasar keluarga mawaddah

Pergiatkan program di setiap jajahan bagi lahirkan individu seimbang kefahaman ekonomi, sosial dan politik

MUHAMMAD KASIM

KOTA BHARU - Kerajaan Negeri Perak akan memperkatakan dasar keluarga mawaddah di setiap jajahan di negeri ini bagi melahirkan individu seimbang kefahaman dari segi ekonomi, sosial dan politik.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kerajaan dan Kesejahteraan Rakyat, Muntaz Md Nawil berkata, konsep tersebut adalah selari dengan pembangunan dan transformasi semasa di mana pegawai kerajaan serta ibu bapa adalah sasaran utama untuk membihi buku panduan keluarga mawaddah.

"Buku tersebut sebagai panduan

Pencapaian Utama (KPI) ibu bapa, untuk tunda salah dan slup. Mereka (ibu bapa) kena lebih terbuka, kena menerima kelebihan dan kekurangan anak.

"Ibu bapa perlu sedia untuk belajar dan dipanggil, buku tersebut ada garis panduan secara umum keluarga di negeri ini untuk mengemudi keluarga, bagaimana menjadi ibu dan bapa yang baik," katanya.

Muntaz berkata demikian kepada media selepas memantapkan penutup seminar Kecemerlangan Keluarga dan Rumah tangga yang diadaihi kira-kira 1,000 peserta di Kelantan Trade Centre (KTC), semalam.

Katanya, panduan keluarga mawaddah yang dikeluarkan pada 2009 di peringkat negeri kini diperluaskan ke peringkat Dun dan kawasan agar penglibatan berbilang besar.

"Buku tersebut akan diperkatakan sehingga ke peringkat Dun dan kawasan. Sasaran utama tahun ini adalah untuk mencapai ke seluruh 11 jajahan di negeri ini dengan konsep keluarga mawaddah.

"Kita sudah pergi secara rasmi di Gua Musang, Pasir Mas dan Tampar dan kini tinggal 9 jajahan lagi. Penantahan keluarga lebih fleksibel, bukan untuk mengikutkan tetapi mendidik. Malah tahun lepas kita ada satu keluarga mawaddah pilihan dan sudah pun dinobatkan jadi pemenang," katanya.

Muntaz (kanan) beramah mesra dengan mereka yang hadir semalam tersebut.



Keratan akhbar Sinar Harian pada 10 April 2014 :

Luaskan Dasar Keluarga Mawaddah



YB Dr Ramli Mamat, ADUN Bunut Payong menyampaikan hadiah kepada peserta program Ibu Bapa Muda DUN Bunut Payong



YB Ustaz Haji Abdul Rahman Yunus dan YB Ustaz Haji Ahmad Baihaki Atiqullah bergambar bersama penerima anugerah Keluarga Mawaddah DUN Pasir Tumboh



YB Haji Mohd Huzaimy Che Husin menyampaikan hadiah kepada peserta sempena Program Bengkel Ibu Papa Muda DUN Perupok



Ustaz Wan Hassan Wan Ibrahim, Penyelia DUN Semerak menyampaikan hadiah kepada peserta program sambutan Hari Keluarga Mawaddah DUN Semerak



Sambutan Hari Keluarga Mawaddah DUN Manek Urai

Hari Suami Isteri lebih sesuai

Masyarakat di negeri ini diminta buka minda gantikan Hari Kekasih



Nik Aziz menerima cenderamata selepas dipilih sebagai Ikon Keluarga Bahagia, semalam.



Nik Aziz menyerahkan bunga kepada Tuan Sobariah sebagai tanda kasih sayang sempena sambutan Hari Suami isteri, semalam.

ROSMAZA KASIM

KOTA BHARU- Sambutan Hari Kekasih yang menjadi kutipan peminat hari ini dilihat tidak sesuai untuk ditolak oleh umat Islam dan perlu diganti dengan sambutan lebih Islamik.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta masyarakat di negeri ini membuka minda mereka dan lebih baik menggantikan Hari Kekasih (Valentine's Day) dengan Hari Suami Isteri.

Ini adalah katanya, sambutan mengikut budaya barat yang langsung tiada kaitan dengan Islam itu, perlu diletakkan masih banyak aktiviti positif boleh dilaksanakan bagi menyebarkan kasih sayang antara sesama.

"Mengonggahlagu, sekiranya Hari Suami Isteri yang diadakan seperti hari ini (semalam) disambut oleh masyarakat hari ini, daripada tema mengagungkan Hari Kekasih. Lagipun, budaya tersebut tidak sesuai dan kita tidak boleh menyalurkan seperti pihak lain," katanya ketika ditemui sempena sambutan Hari Suami Isteri dan Pelancaran Buku Panduan Keluarga Mawaddah Peringkat Negeri di Balai Islam di sini, semalam.

Selain itu, beliau mengaitkan hubungan suami isteri perlu dijaga dan perjalanan melayan habibah rumah tangga berdasarkan ajaran Islam untuk memantapkan ummat Nabi Muhammad SAW.

"Perkembangan bukan kerana

mengidul hubungan seks semata-mata tetapi lebih malaranya dengan memahami tanggungjawab masing-masing di samping menjaga keharmonian yang direstakan oleh Allah SWT supaya hubungan suami isteri bahagia," katanya.

Turut berkecuali pengalaman sempena bergilir Menteri Besar, beliau menerima panggilan telefon kira-kira jam 3 pagi daripada seorang isteri yang mengesahkan mengidul suaminya masih belum pulang.

"Sekiranya, suami dapat memahami kewajipan tanggungjawab tidak boleh memberi tekanan kepada isteri di samping memantapkan Nabi Muhammad SAW bergidil dengan priangnya, pasti semua perkara ini tidak akan berlaku.

"Selain itu, isteri juga perlu memahami seorang yang memantapkan hati suami dan juga ingin memberitahu, kadang-kala ketika penat bekerja serta sakit kepala, saya akan rehat di atas sofa tersebut, tidak perlu makan ubat," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesejahteraan, Wan Usaidah Omar dalam ucapan sempena sambutan Hari Kekasih yang diadakan semalam di sini, berkata:

"Ketika ini, apabila kewarasan akan berhubung-hubung, akan menjadikan kad ucapan dan juga kenderaan Khairat Amanan (KAPK)

yang menjadikan daripada kumpulan perempuan untuk menetapkan cinta. Tidak kuasanya akan ada program yang menghimpunkan pasangan kekasih dan masyarakat yang sentiasa akan menjaga keharmonian dan mengaitkan pengidul bebas sehingga menyalurkan kepada cinta," katanya.

Oleh itu, beliau mengaitkan supaya masyarakat hari ini menyebarkan kasih sayang kepada yang berhak mengaitkan Islam seperti hubungan suami isteri.

Dalam majlis sama, Nik Aziz besama pasangan, Datin Tuan Sobariah Tun Uthah yang mendirikan rumah tangga sejak 30 tahun lalu dengan mempunyai 10 anak serta 56 cucu dipilih sebagai Ikon Keluarga Bahagia.

Keratan akhbar Sinar Harian pada 16 Februari 2012 :

Hari Suami Isteri lebih sesuai



Keluarga Ustaz Dato Bentara Kanan Dato'Haji Ahmad Bin Yakob
Menteri Besar Kelantan

PAUTAN BERKAITAN

Pautan untuk maklumat lanjut berkaitan program-program
Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan UPWK :-

1. **FB Yang Berhormat Hajah Mumtaz Md Nawi**
[*https://www.facebook.com/MumtazMdNawiOfficial/*](https://www.facebook.com/MumtazMdNawiOfficial/)
2. **FB Urus Setia Pembangunan Wanita Keluarga dan Kebajikan (UPWK)**
[*https://www.facebook.com/upwkk*](https://www.facebook.com/upwkk)
3. **FB Pusat Kemahiran Wanita Kelantan (PKWK)**
[*https://www.facebook.comPusatKemahiranWanitaKelantan*](https://www.facebook.comPusatKemahiranWanitaKelantan)
4. **FB Pertubuhan MESRA**
[*https://www.facebook.com/mesra/*](https://www.facebook.com/mesra/)
5. **FB Taska Keluarga Mawaddah**
[*https://www.facebook.com/taskakeluargamawaddah/*](https://www.facebook.com/taskakeluargamawaddah/)
6. **Web wanitakelantan.com**
[*http://wanitakelantan.com*](http://wanitakelantan.com)
7. **Web Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN)**
[*http://upknkelantan.com*](http://upknkelantan.com)
8. **Chanel Youtube Program UPWK**
[*https://www.youtube.com/user/upwkknegerikelantan*](https://www.youtube.com/user/upwkknegerikelantan)
9. **Web siaran Radio TV Kelantan (RTV)**
[*http://rtv.kelantan.my*](http://rtv.kelantan.my)
10. **FB Kelantan TV :**
[*https://www.facebook.com/kelantantv/*](https://www.facebook.com/kelantantv/)
11. **Web siaran Kelantan TV :**
[*http://www.kelantantv.my/v1/*](http://www.kelantantv.my/v1/)

LAMPIRAN

DOKUMEN
DASAR KELUARGA
MAWADDAH

DASAR KELUARGA MAWADDAH KELANTAN

Latar belakang

Beberapa siri perjumpaan bersama pakar-pakar profesional telah diadakan bagi menggubal Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan. Ia bermula mesyuarat dalaman Urusetia Pembangunan Wanita Negeri Kelantan sebanyak dua kali, iaitu pada 28 September 2008 dan 6 November 2008 bertempat di Bilik Mesyuarat UPWBS, Kompleks Kota Darulnaim. Ia diikuti dengan dua kali sidang pakar iaitu kali pertama pada 22 Disember 2008 di Hotel Summit, Kuala Lumpur dan kali kedua pada 3 Mac 2009 di Dewan Selayang, Perdana Resort, Kota Bharu.

Penemuan daripada siri mesyuarat dan sidang pakar tersebut telah dibawa kepada perbincangan teknikal Dasar Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan. Mesyuarat Teknikal tersebut telah diadakan pada 15 September 2009 di Kediaman Rasmi Menteri Besar, JKR 10, Kota Bharu. Diikuti dengan perincian di peringkat parti pada 8 November 2009 dan 24 November 2009 bertempat di Bilik Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan.

Kemudian hasil perincian tersebut telah memutuskan penggubalan dasar itu harus diseminarkan terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada panel penggubal. Ia bertujuan bagi mendapat maklum balas secara rasmi pihak kepimpinan Kerajaan Negeri, kepimpinan parti dan pegawai kanan jabatan-

jabatan kerajaan serta wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan. Justeru itu, Seminar Penggubalan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan telah diadakan pada 16 November 2009 bertempat di Dewan Duyung, Perdana Resort, Kota Bharu.

Rumusan daripada kesemua maklum balas yang diterima daripada mesyuarat, sidang dan seminar yang telah diadakan, maka ia dijadikan asas penting kepada penggubalan Dasar Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan. Hasil penggubalan itu telah diserahkan kepada satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Hajah Wan Ubaidah Omar selaku Ahli Exco merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan Kerajaan Negeri Kelantan. Berikutnya, satu buku Panduan Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan atas tema “Keluarga Bahagia Adalah Syurga” telah diterbitkan pada 2011 untuk rujukan yang diedar kepada orang awam dan jabatan-jabatan kerajaan.

1.0 PENGENALAN

1.1 Pembangunan dan kemajuan negara telah memberi pelbagai impak khususnya kepada institusi keluarga. Sebahagiannya bermanfaat untuk meningkatkan kualiti kehidupan berkeluarga dan sebahagiannya pula membimbangkan dan perlu ditangani dengan baik. Antara cabaran penting yang memerlukan perhatian segera ialah perubahan struktur keluarga dan fungsi ahlinya, ketidakseimbangan antara tanggungjawab ahli keluarga dan realiti kehidupan, gelombang globalisasi, aliran pemikiran sekular, persekitaran yang materialistik dan individualistik, pelbagai gejala sosial semakin membarah serta peningkatan isu pengabaian dan penderaan ahli keluarga.

1.2 Menekuni perkembangan semasa secara keseluruhan, institusi keluarga dilihat semakin rapuh, peranan dan fungsi asalnya semakin kabur, dan dibimbangi tidak dianggap sebagai struktur asas yang penting dalam pembangunan masyarakat dan negara.

1.3 Meneliti perkembangan semasa gejala sosial dan moral yang membimbangkan di negeri Kelantan dengan berlakunya peningkatan kadar perceraian, jenayah seksual dan keganasan rumahtangga yang mencerminkan kepincangan institusi keluarga.

1.4. Menginsafi perkara-perkara berikut;

1.4.1 Islam sebagai ad-deen telah menetapkan prinsip-prinsip abadi tentang tatacara hidup berkeluarga meliputi aspek pembinaan rohani keluarga, pengurusan dan pembinaan rumah tangga pendidikan anak-anak¹ dan ahli keluarga, pengurusan konflik dan tekanan, perhubungan dan komunikasi, serta hak dan tanggungjawab;²

1.4.2 Mengurus dan mentadbir keluarga adalah sebahagian daripada tugas kekhalifahan yang mesti dilaksanakan dengan penuh amanah;³

1.4.3 Institusi keluarga adalah kurniaan Allah yang bersifat fitrah. Ia adalah tempat perlindungan dan keselamatan, pusat pengembangan cinta dan kasih sayang, serta lubuk ketenteraman jiwa dan hati yang

¹ Rasulullah SAW bersabda (diriwayat Baihaqi): "Tidaklah anak dilahirkan melainkan dilahirkan dalam keadaan fitrah. Kedua ibu bapanyalah yang menjadikannya sebagai Yahudi, Nasrani atau Majusi."

² Maksud firman Allah SWT (A'ali-Imran ayat 19): "Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam."

³ Maksud firman Allah SWT (Surah Al-Baqarah ayat 30): "Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".

sentiasa diliputi rahmat Ilahi;⁴

1.4.4 Institusi keluarga merupakan unit asas masyarakat yang menentukan jatuh bangunnya sesebuah negara. Institusi tersebut membentuk satu jaringan luas dan melibatkan semua anggota masyarakat. Memperkasakan institusi keluarga bermaksud meletakkan satu asas yang kukuh kepada pembangunan sesebuah negara;

1.4.5 Senario terkini di seluruh dunia menampilkan keterujaan masyarakat dan kerajaan agar kembali kepada asas keluarga bahagia dengan memperkenalkan pelbagai pendekatan dan istilah antaranya “*pro family policy*”, “*family welfare*”, “*family first*”. Hal ini menggambarkan keadaan mereka yang berkeinginan untuk kembali kepada fitrah selepas menyedari kepentingan institusi keluarga; maka, satu dasar yang jelas perlu disediakan sebagai panduan kepada semua pihak ke arah memperkasakan semula institusi keluarga.

1.5 Dasar yang dikenali sebagai Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan (DKMK) akan memberi tumpuan khusus kepada pembangunan keluarga sebagai satu unit asas dan

⁴ Maksud firman Allah SWT (Surah Al-Rum ayat 21): “Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.”

kritikal dalam pembangunan negeri dan negara serta ummah. Dasar ini bertindak sebagai hala tuju dan panduan pelaksanaan dan penguatkuasaan kepada pihak kerajaan dan bukan kerajaan yang bertanggungjawab serta pihak yang berkepentingan untuk mengutamakan kesejahteraan keluarga dalam rangka membina negara dan peradaban yang mencapai taraf kehidupan yang tinggi dan diredhai Allah.

1.6 Dasar ini hendaklah dibaca bersama dengan dasar-dasar lain Kerajaan Negeri Kelantan yang berkaitan, termasuk Dasar Membangun Bersama Islam yang berteraskan konsep *Ubudiyyah*, *Masuliyyah* dan *Itqan* (UMI), Dasar Wanita Kelantan, Dasar Belia Kelantan dan Dasar Pencegahan Gejala Sosial.

2.0 TEMA DASAR

“Keluarga Mawaddah, Masyarakat Sejahtera”

3.0 FALSAFAH DASAR

Mempercayai bahawa institusi keluarga sebagai satu unit yang sangat fundamental dalam pembinaan masyarakat, negeri dan negara dengan mengutamakan kesejahteraan keluarga berlandaskan ajaran Islam atau sistem kepercayaan hidup bertuhan untuk melahirkan insan soleh dan bermanfaat ke arah membina negara dan ummah yang terbaik.

4.0 VISI DASAR

Kelantan sebagai peneraju pembangunan keluarga cemerlang.

5.0 MISI DASAR

Membina keluarga bahagia berteraskan prinsip *Ubudiyyah*, *Masuliyyah* dan *Itqan* (UMI) untuk melahirkan masyarakat sejahtera dan negeri yang diberkati Allah.

6.0 MATLAMAT DASAR

6.1 DKMK bermatlamatkan untuk memperkasakan institusi keluarga melalui penggemblengan sokongan dan dukungan semua. Ia boleh dijayakan dengan meningkatkan potensi setiap ahlinya agar berupaya menjalankan peranan masing-masing secara berkesan. Sekaligus akan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan kemakmuran negeri dan negara. Antaranya menerusi pendekatan yang berikut:

6.1.1 Menetapkan satu dasar jangka panjang pendidikan dan pemerksaan keluarga berdasarkan prinsip-prinsip Islam bertepatan dengan dasar Membangun Bersama Islam yang seiring dengan nilai-nilai kemanusiaan sejagat.

6.1.2 Membentuk kerukunan sosial masyarakat di negeri Kelantan yang ditunjangi oleh keluarga berfungsi dan berkesan.

6.1.3 Meraikan identiti, peranan dan kepercayaan pelbagai kelompok etnik dan agama dalam membangunkan institusi keluarga.

6.1.4 Menyelaraskan semua polisi pentadbiran dan program Kerajaan dan swasta, selaras dengan dasar ini agar setiap individu menjadi aset negeri yang seimbang.

6.1.5 Dasar Keluarga induk ini menjadi asas kepada dasar lanjutan lain yang berkaitan seperti Dasar Kanak-Kanak dan Dasar Warga Emas.

6.1.6 Menyedia dan menambah baik khidmat sokongan yang sistematik bagi keluarga yang tercabar termasuk armalah (ibu tunggal), anak yatim dan lain-lain.

6.1.7 Merealisasikan konsep Keluarga Mawaddah dan ibu bapa yang berperanan sebagai pengurus dan pentadbir rumah tangga cemerlang ke arah membentuk keluarga bahagia dan sejahtera.

6.1.8 Menggalak dan membuka peluang kepada setiap individu untuk merasai ketenangan dan kebahagiaan melalui institusi keluarga yang diberkati Allah.

7.0 PRINSIP DAN GARIS PANDUAN UTAMA DASAR

7.1 DKMK adalah merujuk kepada prinsip dan garis panduan berikut:

7.1.1 DKMK selaras dengan Dasar Membangun Bersama Islam yang menjadi paksi dalam segala gerak kerja kerajaan negeri iaitu tiga ciri asas berikut; *Ubudiyyah*, *Masuliyyah* dan *Itqan*.

7.1.2 DKMK menghormati sistem nilai dan kepelbagaian cara hidup dengan memberikan ruang untuk membina keluarga menurut asas kepercayaan agama masing-masing.

7.1.3 Keluarga adalah institusi asas fitrah dalam kehidupan manusia. Membina keluarga bermakna membina kehidupan dan membangunkan negara.

7.1.4 Keluarga Mawaddah merangkumi tiga ciri berikut; ketenangan (*sakinah*), kasih sayang (*mawaddah*) dan kasihan belas (*rahmah*).⁵

⁵ Maksud firman Allah SWT (Surah al-Ruum ayat 21): "Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir;" dan firman Allah SWT (Surah al-Aa'raf ayat 189): "Dialah (Allah) yang menciptakan kamu semua dari (hakikat) diri yang satu, dan Dia mengadakan daripada hakikat itu pasangannya (diri suami isteri), untuk bersenang hati dan hidup mesra yang satu kepada yang lain. Ketika suami mencampuri isterinya, mengandunglah ia dengan kandungan yang ringan, serta

7.1.5 Natijah akhir pembangunan keluarga adalah untuk mencapai kesejahteraan di dunia dan di akhirat.⁶

7.1.6 Institusi keluarga merupakan institusi pendidikan yang pertama dalam kehidupan seseorang insan. Ibu bapa bertanggungjawab untuk memberikan pendidikan asas Islam berdasarkan perkembangan umur dan kebolehan anak-anak.

7.1.7 Setiap ahli keluarga perlu kembali semula kepada peranan dan fungsinya yang asal iaitu suami bertindak sebagai pemimpin keluarga dan pencari nafkah utama, isteri sebagai pengurus rumah tangga dan turut bertanggungjawab bersama suami dalam urusan rumahtangga serta anak-anak sebagai pelengkap yang melaksanakan konsep ihsan terhadap ibu bapa.

7.1.8 Konsep kepimpinan keluarga adalah tanggungjawab asasi pihak suami. Suami dengan kerjasama isteri, perlu bertindak sebagai ketua yang memimpin, melindungi serta mengendali pembentukan visi dan misi keluarga.

teruslah ia dengan keadaan itu (ke suatu waktu). Kemudian ketika ia merasa berat (dan menaruh bimbang) berdoaah suami isteri itu kepada Tuhan mereka (dengan berkata):” Sesungguhnya jika Engkau (wahai Tuhan kami) mengurniakan kami nikmat yang baik, tentulah kami menjadi orang-orang yang bersyukur”.

⁶ Maksud firman Allah SWT (Surah al-Baqarah ayat 201): “Dan ada di kalangan mereka yang berkata “ wahai Tuhan kami, berikanlah kepada kami kebaikan di dunia dan di akhirat”.

7.1.9 Pendidikan kekeluargaan yang sistematis dan berterusan diperlukan untuk para suami dan isteri.

8.0 STRATEGI PERLAKSANAAN DASAR

8.1 Untuk memastikan DKMK dapat dilaksanakan dengan baik, strategi berikut digariskan bagi mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan serta menentukan tahap keberkesanan pelaksanaan dan tindakannya.

Kesedaran

8.1.1 Membangkitkan kesedaran dan keprihatinan semua pihak mengenai isu dan peranan institusi keluarga.

8.1.2 Meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pendidikan bagi membina keluarga yang bahagia di dunia dan di akhirat.

Kefahaman

8.1.3 Membina kefahaman pelbagai pihak dan agensi tentang peranan institusi keluarga dan fungsi setiap ahlinya serta implikasinya kepada kesejahteraan masyarakat.

8.1.4 Memantapkan kefahaman masyarakat tentang kepentingan institusi keluarga, cabaran yang dihadapi dan langkah-langkah untuk mengatasinya.

Pembinaan

8.1.5 Meningkatkan taraf hidup keluarga khususnya kekuatan kewangan yang akan bertindak sebagai salah satu faktor penting kejayaan DKMK.

8.1.6 Mewujudkan pelbagai peluang, kemudahan, perkhidmatan dan bimbingan agar setiap individu dapat menikmati kehidupan berkeluarga yang efektif.

8.1.7 Menyelaraskan tindakan agensi kerajaan dalam melaksanakan DKMK.

8.1.8 Memberikan perkhidmatan kesihatan kepada keluarga melalui perancangan, pelaksanaan dan pemantauan serta penilaian aktiviti yang berkaitan dengan kesihatan keluarga.

Penghayatan

8.1.9 Memantapkan pembangunan setiap ahli keluarga untuk berfungsi sebagai satu pasukan yang saling menyokong dalam memainkan peranandantanggungjawab supaya setiap ahli keluarga berkembang dengan optimum mengikut keunikan dan potensi setiap individu.

Penilaian

8.1.10 Menilai dan menyemak semula polisi kerajaan dan undang-undang yang sedia ada agar bertepatan dengan usaha untuk memperkasakan institusi keluarga.

8.1.11 Memantau pelaksanaan dan keberkesanan program, modul, latihan supaya selaras dengan matlamat dan objektif DKMK.

Penambahbaikan

8.1.12 Mengadakan pemulihan serta penambahbaikan program bagi menjayakan DKMK.

9.0 FASA PELAKSANAAN DASAR

9.1 Fasa pelaksanaan ini akan menjadi rujukan kepada pasukan pengurusan dan pasukan pelaksana. Antara tujuan pembentukan fasa pelaksanaan ini adalah sebagaimana berikut:

9.1.1 Bagi memastikan dasar ini dapat dilaksanakan secara bertahap dan berkesan mengikut perkembangan semasa bagi setiap fasa;

9.1.2 Sebagai panduan untuk penilaian semula dan penambahbaikan dari semasa ke semasa;

9.1.3 Memudahkan penerusan gerak kerja pasukan pengurusan dan pelaksanaan tanpa perlu ada pengulangan gerak kerja.

9.2 Fasa yang dicadangkan adalah sebagaimana petak pelaksanaan yang berikut:

TEMPOH MASA : 3 TAHUN (36 bulan)					
FASA	PERKARA	TEMPOH	TARIKH	AGENSI PELAKSANA	AKTIVITI
1	PENDOKUMENTA- SIAN DAN PENERANGAN * tempoh masa akan berbeza mengikut zon kawasan sasaran (bandar@luar bandar)	4 BULAN	2013	• UPWKK • JABATAN PERSEKUTUAN • UPIBSN • UPKNK • MAIK • PKS • JAHEAIK • PBT • YIK • IPT • HALAQAT • MTD • NGO	Penerangan dan pameran

2	PENGINSTITUSIAN (PEMBENTUKAN SISTEM) • bentuk modul @ sistem • pantau penerimaan masyarakat sasaran	20 BULAN	2013-2014	• UPWKK • UPKNK • JAHEAIK • MAIK • NGO	
3	PELAKSANAAN / PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN	8 BULAN	2014	• UPWKK • UPKNK • JAHEAIK • MAIK • MAHKAMAH SYARIAH • UPIBSN • AGENSI KERAJAAN DAN BUKAN KERAJAAN • NGO	
4	PENILAIAN PENCAPAIAN *penilaian awal dan laporan akan dibuat setiap fasa supaya kesan dapat dikenalpasti lebih awal.	4 BULAN	2013	• UPWKK • KONSULTAN • NGO	

10.0 RANCANGAN TINDAKAN

Agar DKMK ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan lancar, strategi dan rancangan tindakan mengikut sektor yang berkaitan dengan pembangunan keluarga disenaraikan seperti berikut:

10.1 Pembinaan Keluarga

10.1.1 Sektor ini perlu dikemas kini dan dimantapkan untuk memastikan bakal-bakal suami dan isteri atau ibu bapa diberi input yang mencukupi sebelum mendirikan rumah tangga.

10.1.2 Usaha merancang dan membina keluarga adalah usaha yang berterusan, bermula sebelum menjejaki alam perkahwinan lagi. Ia perlu melibatkan seluruh anggota keluarga terutamanya ibu, bapa dan anak-anak.

10.1.3 Secara dasarnya perkahwinan sangat digalakkan dan perlu dipermudahkan kepada pasangan yang bersedia dan layak. Pada masa yang sama berusaha untuk meminimumkan kadar penceraian. Cadangan tindakan yang perlu dilakukan ialah:

- i. Mengemas kini polisi, prosedur dan pelan tindakan bagi pasangan yang ingin mendirikan rumah

tangga.

- ii. Memperkenalkan subjek atau kandungan yang wajar tentang institusi perkahwinan dan kekeluargaan sebagai pendedahan di peringkat menengah dan tinggi.
- iii. Memperkenalkan kursus atau modul-modul bagi membolehkan calon-calon yang ingin mendirikan rumah tangga mendapat kefahaman yang cukup tentang konsep asas dalam perkahwinan dan sistem kekeluargaan seperti adab perkahwinan, hak dan tanggungjawab pasangan dan ahli keluarga, peranan dan fungsi setiap ahli keluarga, pengurusan dan pentadbiran rumah tangga dan keberkatan dalam keluarga.
- iv. Menyediakan pelbagai kaedah pendidikan dan latihan yang formal dan tidak formal untuk membantu setiap individu membina keluarga.
- v. Menyediakan jalan-jalan penyelesaian alternatif kepada pasangan yang ingin berkahwin tetapi menghadapi masalah kewangan.
- vi. Meningkatkan kepekaan masyarakat tentang kepentingan perkahwinan dan mempermudah urusannya.

- vii. Menyediakan kursus keibubapaan cemerlang bagi melahirkan ketua keluarga yang hebat dan bapa yang baik.

10.2 Pendidikan dan Pembangunan Keluarga

10.2.1 Sektor ini sangat penting dan menunjangi sebahagian besar aspek pembentukan dan pemerkasaan institusi Keluarga Mawaddah. Pendidikan dan pembangunan keluarga adalah merujuk kepada sebarang aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan untuk meningkatkan potensi setiap ahli keluarga dari sudut jasmani, intelek, emosi, rohani dan sosial yang akhirnya dapat menyumbang kepada pembangunan ahli keluarga secara keseluruhan. Ia meliputi aspek pendidikan pembudayaan ilmu dan latihan yang disusun oleh pihak tertentu untuk pihak keluarga atau dari pihak keluarga untuk ahli-ahlinya sendiri.

10.2.2 Berdasarkan kepada konsep pendidikan sepanjang hayat, pendidikan dan latihan untuk para suami isteri atau ibu bapa serta keluarga perlu dirancang dan disusun secara berterusan untuk mencapai kualiti keluarga tahap tinggi. Tindakan yang perlu dilakukan ialah :

- i. Merangka dan membangunkan satu modul keluarga mithali merangkumi program

perkhidmatan dan pembangunan keluarga yang sistematik dan praktikal untuk memantapkan institusi keluarga berdasarkan sirah dan keluarga Rasulullah.

- ii. Membina dan menyebarkan satu standard dan kriteria yang jelas tentang ciri-ciri asas Keluarga Mawaddah untuk dijadikan sebagai indikator pencapaian dasar tersebut.
- iii. Mewujudkan anugerah Keluarga Mawaddah Mithali sebagai acara yang berprestij berdasarkan piawai yang telah dibina untuk mendorong masyarakat agar mengutamakan keluarga dan memantapkan institusi tersebut.
- iv. Program-program sokongan perlu diwujudkan secara berkala untuk memantapkannya dari semasa ke semasa khususnya perkembangan terbaru tentang institusi kekeluargaan seperti kemahiran keibubapaan, pembinaan hubungan suami isteri yang sihat, pengurusan rumah tangga secara profesional, pendidikan dan pembangunan anak mengikut tahap dan personaliti dan pendidikan gender dan seks.
- v. Merangka dan membangunkan suatu modul atau program pembinaan akhlak anak-anak yang meliputi dimensi hubungan Tuhan, manusia dan

alam supaya pembangunan jiwanya seimbang dengan pembangunan fizikalnya.

- vi. Menyediakan kursus dan latihan yang bersesuaian untuk pasangan yang sudah lama mendirikan rumah tangga agar mereka sentiasa berada pada landasan pembinaan keluarga yang dikehendaki.
- vii. Menyediakan satu panduan praktikal kepada para ibu bapa untuk mendidik anak-anak pada semua tahap kehidupan termasuk semasa kehamilan.
- viii. Membina satu modul yang memberi panduan kepada ibu bapa kaedah yang tepat untuk memberi pendidikan seksualiti kepada anak-anak.

10.3 Kesihatan dan Keselamatan

10.3.1 Pembangunan keluarga turut mengambil kira aspek kesihatan sebagai antara aspek utama. Kesihatan keluarga boleh mempengaruhi kesihatan seluruh masyarakat dan penduduk. Keluarga Mawaddah yang ingin dibentuk adalah sebuah keluarga yang berkualiti dan sihat.

10.3.2 Kesihatan keluarga adalah meliputi aspek kesihatan fizikal, mental, emosi dan rohani. Kesemua aspek ini adalah saling berkait di antara satu sama lain dan perlu ditangani secara menyeluruh.

10.3.3 Untuk melahirkan sebuah institusi keluarga yang sihat, usaha-usaha berikut perlu dijalankan:

- i. Mewujudkan satu dasar kesihatan yang akan mengambil kira taraf kesihatan masyarakat yang merupakan anggota setiap keluarga.
- ii. Meningkatkan kesedaran rakyat tentang konsep pemakanan yang halalan toyyiba. Melalui konsep ini, setiap ahli keluarga akan dapat meningkatkan amalan pemakanan yang sihat.
- iii. Mewujudkan satu mekanisma untuk membolehkan semua pihak sama ada sektor kerajaan dan bukan kerajaan, turut serta dalam usaha-usaha untuk meningkatkan taraf kesihatan masyarakat.
- iv. Melaksanakan dasar yang berkesan untuk mencegah jangkitan penyakit berbahaya seperti HIV, AIDS dan lain-lain.
- v. Meningkatkan kesedaran kesihatan reproduksi kepada masyarakat. Setiap ahli keluarga perlu

mengetahui hak dan tanggungjawab mereka ke atas isu kesihatan dan reproduksi.

- vi. Membebaskan setiap anggota keluarga daripada segala bentuk gangguan dan penderaan sama ada seksual, fizikal dan emosi serta menyediakan perlindungan kepada mangsa yang terlibat.
- vii. Meningkatkan kesedaran tentang kehamilan berkualiti serta hak-hak ibu semasa proses kehamilan.
- viii. Menggalakkan penyusuan susu ibu dengan memberikan kemudahan, keselesaan serta sokongan kepada ibu yang menyusu.

10.4 Undang-undang

10.4.1 Semua anggota keluarga berhak untuk merasa selamat dan dilindungi di bawah undang-undang yang sewajarnya.

10.4.2 Penggubalan undang-undang atau enakmen yang berkaitan keluarga adalah bertujuan untuk membentuk sebuah keluarga yang aman dan bahagia.

10.4.3 Antara tindakan yang perlu diambil adalah:

- i. Meningkatkan kesedaran dan kepekaan masyarakat mengenai hak dan tanggungjawab individu menurut tuntutan syariah dan undang-undang.
- ii. Menyemak dan mengemaskini undang-undang yang sedia ada agar selaras dengan kehendak DKMK.
- iii. Menggubal atau meminda enakmen atau peraturan yang berkaitan bagi mengatasi masalah perceraian, penderaan, keganasan rumah tangga, penjagaan anak, poligami dan sebagainya.
- iv. Memastikan pelaksanaan undang-undang keluarga yang saksama dan adil bagi semua pihak sama ada ibu, ayah atau anak-anak terutamanya dalam menyelesaikan pertikaian keluarga dengan segera, adil dan harmoni.
- v. Menyemak, menilai dan mengemaskini prosedur-prosedur yang berkaitan dengan tuntutan dan undang-undang agar lebih mesra keluarga dan dipatuhi.
- vi. Menubuhkan unit atau badan yang membolehkan anggota masyarakat

mendapatkan nasihat terutamanya yang berkaitan dengan isu keluarga.

- vii. Meningkatkan kesedaran ahli keluarga tentang keseimbangan antara tuntutan hak dan tanggungjawab masing-masing.

10.5 Ekonomi Keluarga

10.5.1 Keluarga Mawaddah perlu mempunyai status ekonomi yang kukuh dan stabil. Kedudukan ekonomi yang kukuh akan membantu perkembangan dan pembinaan keluarga.

10.5.2 Antara tindakan yang perlu diambil adalah:

- i. Memberikan kesedaran kepada ahli keluarga tentang pengurusan kewangan dan aset.
- ii. Memperkenalkan dan menawarkan beberapa instrumen perancangan harta dan aset seperti wasiat, hibah, pusaka, zakat, takaful dan sebagainya.
- iii. Membantu golongan yang kurang bernasib baik untuk meningkatkan tahap ekonomi mereka seperti golongan armalah dan

golongan kurang upaya.

- iv. Memesatkan dan meningkatkan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana bagi ekonomi keluarga.
- v. Menyediakan kursus dan latihan yang bersesuaian untuk meningkatkan sumber ekonomi keluarga.
- vi. Menyediakan bantuan pengurusan keperluan asas bagi kumpulan sasar membina kehidupan bahagia seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal yang secukupnya.
- vii. Menggembleng dan mengasah potensi berdikari dalam kalangan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah serta memperkenalkan konsep bekerja dari rumah sebagai cara meningkatkan pendapatan keluarga.

10.6 Sosial

10.6.1 Keluarga turut memainkan peranannya dalam proses sosialisasi. Keluarga bertindak sebagai wahana yang menyebabkan terjadinya proses sosialisasi antara

individu dengan warga yang lebih besar. Keluarga berperanan mendidik keturunannya agar boleh melakukan penyesuaian dengan alam kehidupannya pada masa ini dan akan datang.

10.6.2 Persekitaran dan lingkungan yang boleh mempengaruhi perkembangan sosial keluarga. Oleh itu menyediakan persekitaran yang baik termasuk persekitaran rumah yang bersih, ceria dan kondusif adalah dituntut untuk membentuk sebuah keluarga Mawaddah.

10.6.3 Antara tindakan yang perlu diambil adalah:

- i. Menggalakkan pembudayaan gaya hidup yang sihat dan menghidupkan semula adat tradisi dan budaya yang tidak bercanggah dengan syariat.
- ii. Membina semula jaringan dan hubungan kekeluargaan kaum kerabat dan persemendaan.
- iii. mempraktikkan amalan kejiwaan menurut perspektif Islam agar setiap jiran dapat berperanan untuk membantu menjayakan pembentukan 'Keluarga Mawaddah'.

- iv. Memberikan perhatian khusus untuk keluarga tercabar dan yang terlibat dengan gejala sosial.
- v. Menggalak dan menyokong keluarga yang menjaga warga tua, pesakit kronik dan OKU.
- vi. Menggalakkan setiap organisasi, agensi, badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan agar bekerjasama dan saling membantu menyediakan pelbagai khidmat sosial bagi menangani masalah sosial yang mengancam pembinaan institusi keluarga.
- vii. Menggerakan media alternatif yang lebih berkualiti, menarik dan beretika, selaras dengan hasrat DKMK untuk memanfaatkan segala kemudahan teknologi semasa.
- viii. Memperkenal dan mengamalkan polisi mesra keluarga, iaitu satu polisi sosial yang berorientasikan pekerjaan dan jalinan kerjaya seiring dengan kehidupan berkeluarga.

11.0 PENUTUP

11.1 Islam telah menetapkan satu sistem kekeluargaan yang seimbang di antara pengurusan keluarga yang sistematik dengan tuntutan hidup berasaskan fitrah manusia. Sistem ini diterjemahkan berupa tatacara-tatacara DKMK yang menjadi panduan kepada semua pihak yang mengimpikan sebuah 'Keluarga Mawaddah' ke arah membentuk 'Masyarakat Sejahtera'.

11.2 Dalam memastikan pelaksanaan dasar ini memberikan impak yang baik, maka ia memerlukan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak. Apapun ia memerlukan penilaian prestasi dibuat setiap dua (2) tahun atau dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

Glosari

1. Ad-deen

Islam adalah satu sistem kehidupan atau cara hidup yang lengkap dan menyeluruh yang mengatur semua aspek dan dimensi kehidupan manusia berpandukan ajaran wahyu.

2. Halalan Toyyiba

Makanan daripada sumber dan proses yang halal dari sudut syarak lagi suci, bersih dan berkualiti. Makanan yang halal perlulah halal dalam semua keadaan seperti sumbernya halal (tidak mengandungi perkara-perkara yang ditegah oleh syarak), halal urusan jual belinya serta diperolehi daripada sumber rezeki yang halal .

3. Kehamilan Berkualiti

Proses kehamilan yang dilalui dengan penuh persediaan dan perancangan agar seluruh masa yang dilalui sepanjang proses kehamilan adalah masa yang berkualiti. Untuk mencapai proses kehamilan yang berkualiti, ibu dan bapa perlu membuat persediaan dari pelbagai aspek seperti rohani, emosi, jasmani bahkan turut melaksanakan proses pendidikan anak diperingkat janin.

4. Kekhalifahan

Hal yang berkaitan dengan tugas sebagai seorang khalifah di muka bumi untuk mentadbir, mengurus dan memakmurkan muka bumi ini dengan menjalankan syariat Allah sama ada di

peringkat individu, keluarga, masyarakat ataupun negara.

5. Keluarga

Satu unit asas masyarakat yang terdiri dari satu kumpulan manusia yang dianggotai oleh dua orang atau lebih, meliputi jaringan yang luas termasuk kaum kerabat yang terdiri daripada datuk, nenek, adik beradik, ibu dan bapa saudara sebelah ibu, ibu dan bapa saudara sebelah bapa dan lain-lain yang dihimpunkan sama ada melalui keturunan, perkahwinan, penyusuan atau diangkat (adopted) di mana sahaja mereka berada. Hubungan ini boleh berkembang luas sehingga meliputi seluruh anggota masyarakat.

6. Konsep UMI

Suatu gabungan akronim tiga konsep pentadbiran di bawah Dasar Membangu Bersama Islam Negeri Kelantan, iaitu Ubudiyyah, Mas'uliyah dan Itqan. Ubudiyyah bermaksud kedudukan manusia sebagai hamba Allah yang diciptakan semata-mata untuk beribadat kepada-Nya. Ia memberi makna dari sudut sifat dirinya, tujuan hidupnya, juga cara aktivitinya. Mas'uliyah bermaksud pertanggungjawaban yang merujuk kepada sifat kerja seseorang yang dikaitkan dengan kedudukan Allah sebagai pemberi tanggungjawab. Segala kerja akan dipersoalkan oleh Allah untuk pengadilan. Manakala Itqan pula merujuk kepada kualiti kerja yang boleh diterjemahkan sebagai ketekunan, komitmen dan kesungguhan pada peringkat awal dan disusuli dengan fokus dalam melakukan kerja.

7. Mawaddah, Rahmah dan Sakinah

Mawaddah bermaksud kasih sayang. Ia merujuk kepada perasaan saling berkasih sayang yang wujud dalam sesebuah rumahtangga. Rahmah bermaksud kasihan belas. Kasih sayang semata-mata tidak mencukupi untuk mewujudkan keluarga yang bahagia. Ia perlu disertai oleh perasaan kasihan belas di antara pasangan bagi mengukuhkan lagi institusi keluarga. Sakinah (ketenangan) adalah rasa tenang, aman dan bahagia. Ia adalah natijah kepada konsep mawaddah dan rahmah.

8. Membangun Bersama Islam

Membangun Bersama Islam merujuk kepada dasar utama Negeri Kelantan. Pendekatan pembangunannya adalah bersifat seimbang berpaksikan tanggungjawab menyempurnakan kehidupan di dunia menuju ke akhirat. Panduan utama dasar ialah al-Quran dan al-Sunnah dan Kepimpinan Ulama sebagai paksi kepimpinan kerajaan yang mesra syariah, menyuruh kepada kebaikan dan mencegah atas segala kemungkaran.

9. Persemendaan

Hal yang berkaitan dengan hubungan dan pertalian kekeluargaan melalui perkahwinan.

10. Ummah

Ummah merujuk kepada umat manusia yang menerima dan mengamalkan Islam sebagai satu sistem hidup yang lengkap dan sempurna (orang Islam) atau mengiktiraf dasar-dasar Islam sebagai asas dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan

negara/negeri (orang bukan Islam). Sanggup berkongsi hak dan tanggungjawab untuk mencapai satu tujuan dan masa depan yang sama.

11. Pendidikan Seksualiti

Pendidikan seksualiti adalah satu proses mendidik tentang amalan kehidupan manusia yang berkaitan dengan hubungan di antara dua gender berdasarkan peranan dan fungsi masing-masing. Ia meliputi aspek biologi, kebersihan diri, kesihatan fizikal, hubungan antara gender, reproduksi, kekeluargaan dan lain-lain yang berkaitan.

NOTA

Diterbitkan oleh
Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan
Kerajaan Negeri Kelantan

